UNIVERSITI TENAGA
NASIONAL

# BIODATA PERANTIS 1981A

JURUSAN

A : JURULETRIK STESYEN JANALETRIK
B : PEMBAIK ALAT
C : PENCAWANG
D : JURULETRIK DAERAH
E + F : JURUGEGAS MEKANIK

45

ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY
STAFF WHO ... MAKES
NOTES IN THE ... OR DISFIGURES
OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.

ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY STAFF WHO U[illegible] WORDS, MAKES NOTES IN THE [illegible] OR DISFIGURES OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.

# AJK BIODATA PERANTIS 1981 A .

**SIDANG PENGARANG :**

MOHD. SALIHIN AHMAD
HAKIMI OSMAN
ZAINAL ABU BAKAR
KAMARULZAMAN ANIS
ABDULLAH ISA
ADNAN ABBAS

**REKA BENTUK :**

ABD. AZIZ ALIAS
HORIEDIN AZALI
ABAS HASSAN
ROSLI HASHIM
SHUKRI AHMAD

**PENASIHAT :**

EN. MOKTHAR
SEMUA RAKAN PERANTIS 1981 A .

BIODATA INI MEMUATKAN :→

AJK BIODATA PERANTIS 1981 A

KATA ALUAN DARI SIDANG PENGARANG

SEKALUNG KATA DARI PENGARAH ILSAS

SEKALUNG KATA DARI TIM. PENGARAH ILSAS

SECEBIS BICARA DARI WARDEN ILSAS

COBETAN KENANGAN DARI PERANTIS

DETIK 24 JAM DI ILSAS

'SUDUT PENA' SUMBANGAN PERANTIS

LAPURAN KEGIATAN PERANTIS

SELAMAT SEJAHTERA :

TERIMA KASIH KAMI DAHULUI KEPADA TUAN/PUAN YANG SUDI MEMBACA BIODATA KAMI YANG TAK SEBERAPA INI .

TUJUAN UTAMA KAMI ADALAH UNTUK MENGEKALKAN TALI PERSAUDARAAN YANG TELAH DIJALIN SEJAK DARI TAHUN 1981, WALAUPUN SEKARANG BERADA DISETIAP PELUSUK TANAH AIR KERANA MENJALANKAN TUGAS UNTUK NUSA DAN BANGSA .

HARAPAN DARI KAMI SEMUGA KITA SEMUA AKAN TETAP BERJAYA DALAM SETIAP KERJA YANG DILAKUKAN SAMADA DI PEJABAT DAERAH MAHU PUN DI STESEN JANAKUASA . JADIKAN PELAJARAN YANG KITA DAPATI DI ILSAS SEBAGAI SATU TAULADAN BAIK DALAM KERJAYA KITA .

AKHIR SEKALI KAMI UCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT BAGI MENJAYAKAN PENERBITAN BIODATA INI .

SEKIAN .

"TENAGA MEMBINA NEGARA"

SIDANG PENGARANG .
2 - DEC. - 1983 .

INNA

## SEKAPUR SIRIH

Saya mengucapkan setinggi terima kasih atas undangan untuk memberi sepatah dua kata nasihat untuk BIODATA PERANTIS 1981A.

Kepada sidang pengarang BIODATA PERANTIS 1981A saya mengucapkan tahniah atas inisiatif menerbitkan risalah ini yang akan menjadi penyambung silaturrahim antara kumpulan 1981A dan lain-lain kakitangan.

Kepada semua para Perantis 1981A saya ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan menjalani dan menamatkan latihan perantisan anda selama tiga tahun. Pengetahuan dan kemahiran yang telah dicapai setakat ini telah meletakkan anda pada kedudukan yang kukuh untuk memulakan kerjaya sebagai pekerja mahir, dan membolehkan anda memainkan peranan yang penting dalam perkhidmatan Lembaga dan pembangunan negara. Semuga anda tidak berpuashati dengan kemajuan yang dicapai setakat ini tetapi sebaliknya bersikap ingin terus berusaha untuk meninggikan lagi pencapaian dan sumbangan.

Berkhidmatlah dengan gigih, tekun, berdisiplin dan setia untuk menghayati cogan Lembaga, "Tenaga Membina Negara".

Selamat bertugas!

(Misnoh bin Yusof)
PENGARAH
Institut Latihan Sultan Ahmad Shah

OLEH SEBAB - SEBAB YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN TIMBALAN PENGARAH MERANGKAP KOODINATOR PERANTIS 1981 A TIDAK DAPAT MENULIS DIDALAM RUANGAN INI .

DISINI , KAMI INGIN BERTERIMA KASIH YANG TAK TERHINGGA. KEPADA BELIAU DIATAS SEGALA TUNJUK - AJAR DAN NASIHAT YANG BERGUNA YANG TELAH BELIAU BERI PADA KAMI SEMENJAK DARI MULA - MULA KAMI MEMASUKI PERKARANGAN INSTITUT LATIHAN PADA BULAN JANUARI 1981 , SEHINGGA SEKARANG .

JASA - JASA BELIAU AKAN TETAP DIKENANG DAN DI JADIKAN TAULADAN .

SEMOGA ALLAH s.w.t. SENENTIASA MELINDUNGI DAN MERESTUI SEGALA KEBAJIKAN BELIAU .

SEKIAN .

SIDANG PENGARANG .
BIODATA 1981 A .
12 - DEC. - 1983

*WARDEN ILSAS,*

*"ASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAHIWABARAKATUH"*

*Syukur kepada S.W.T. kerana dapat saya memberi sepatah dua kata dalam ruangan biodata yang dibanggai. Saya mengucapkan ribuan terima kasih serta memohon maaf di atas apa saja yang tidak sesuai pandangan mata terhadap diri saya mahupun orang-orang di bawah jagaan saya.*

*Saya merasa megah terhadap Perantis 1981A kerana telah pun menunjukkan initiatib yang membanggakan juga mempunyai kebijaksanaan dalam pentadbiran. Beginilah hendaknya petunjuk-petunjuk dan contoh-contoh yang diharapkan kepada manusia yang mempunyai peri kemanusiaan.*

*Tuan-tuan yang dihormati dalam pendapat saya bahawa kita hidup ada dua cara dan pilihlah satu yang kita hormati supaya lantaran hidup kita tidak menjadi buah mulut yang tidak disukai. Panduan-panduan hidup banyak di sediakan untuk membawa diri kita dalam kebenaran. Sungguhpun tohmah dan firnah tidak dapat dielakkan tetapi selagi fikiran berdamping dengan jiwa ketuhanan kita tetap aman ke akhir zaman. Terhadap Insan yang berugama Islam "Iya kanakbudu wa iya kanastain " kepada kau ku sujud dan juga meminta pertolongan . Ia, Tuhan jangan dilupakan.*

*Di sini ingin juga rasanya untuk berpantun:-*

*Pisang emas dibawa belajar.*
*Masak sebiji di atas peti,*
*Hutang emas boleh dibayar.*
*Hutang budi dibawa mati.*

*Buah cempedak di luar pagar,*
*Ambil galah tolong jolokkan,*
*Kalau ada kata dan bahasa terlanggar,*
*Pinta diampun dan dimaafkan.*

*Kiasan orang tua-tua (a) Ingat sebelum kena jimat sebelum habis (b) Sedia-kan payong sebelum hujan supaya kita jangan sesat jalan.*

*Akhir kata saya ucapkan Selamat Maju Jaya dan Selamat Sejahtera dengan iringan doa sehat walafiat serta disudahi dengan Wabillahitaufik, Wassalamualaikum-warahmatullahiwabarakatuh.*

3.2011

*(Mohd. Mokhtar Haji Ahmad)*
*WARDEN*
*Institut Latihan Sultan Ahmad Shah*
*Lembaga Letrik Negara*

ASALAM-MUALAIKUM:
TERLEBEH DAHULU RIBUAN TERIMA DI-UCAPKAN KERANA DI-BERI PELUANG UNTOK MEMBERI CORETAN UNTOK RENUNGAN. DI-BIADATO INI SAUDARA-SAUDARA TELAH BERJUANG MENIMBA ILMU SELAMA TIGA TAHUN OLEH ITU JANGAN LAH DI-SIA-SIAKAN USAHA SAUDARA DENGAN APA YANG DI-PELAJARI ITU BERLALU DENGAN BEGITU SAJA, OLEH ITU DI-HARAP DAPAT KIRA NYA APA YANG DI-PELAJARI DI-INSTITUT INI AKAN MEMBERI KESAN BAIK KEPADA SAUDARA DI TEMPAT KERJA MAU PUN DI-LUAR.
TUNJUK CONTOH YANG BAIK SEMASA KERJA AGAR NAMA KITA DI-SANJUNG SERTA DI-SEGANI OLEH PEKERJA-PEKERJA YANG LAIN. HENDAK NYA SAUDARA SEMUA MENJADI IKUTAN PEKERJA PEKERJA YANG LAIN.
INGAT LAH SATU PENIPUAN DALAM KERJA ADA-LAH GEJALA YANG BOLEH MEROSAKAN DIRI SENDIRI FIKIR DAHULU SEBELUM HENDAK DI-LAKUKAN.
HASIL KERJA YANG BAIK AKAN MEMBUAHKAN SEMANGAT UNTUK MAJU DAN TERUS MAJU.
INSTITUT BERASA BANGGA ANDAI NYA KEJAYAAN SAUDARA MENCAPAI MATLAMAT YANG DI-HAJATI SEBALEK NYA PULA AKAN KECEWA DAN HAMPA ANDAI NYA SAUDARA HANYUT DI-KUASAI OLEH DADAH DAN.
SEBAGAI-NYA. TANAMKAN SEMANGAT INGIN MAJU, SEMUGA ALLAH AKAN MENDURUNG KA-ARAH YANG BENAR.
PERBAIKI DIRI SENDIRI SEBELUM IA NYA MUSNAH

SELAMAT MAJU JAYA.

DARIPADA
T. D.

# KAMI PERANTIS - PERANTIS 1981 A

dengan besar hati mengucapkan jutaan TERIMA KASIH kepada mereka - mereka yang telah membantu dan menolong secara lansung atau tidak pada kami selama kami berada di ILSAS dari tahun 1981 .

(i) kakitangan URUSETIA
(ii) kakitangan PENTADBIRAN
(iii) PARA - PARA INSTRUKTOR
(iv) kakitangan ASRAMA
(v) kakitangan DEWAN MAKAN
(vi) PENGELOLA BALAI ISLAM

Dan tidak lupa jua pada KAK RAHMAH yang telah banyak mengambil berat keadaan kami sedari kami memasuki INSTITUT ini .

Harapan kami agar mereka - mereka ini akan terus memberi khidmat ikhlas pada perantis - perantis yang akan datang .

SEKIAN .

TERIMA KASIH .

BY : INNA @ .



NAMA : MD YUSOF BIN HEDAR

NO. PEKERJA : 44729

ALAMAT : 446 FELDA KERATONG 2 BANDAR 22 (BANDAR TUN RAZAK) ROMPIN PAHANG

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 14. 5. 1961

KEGEMARAN : BERSIAR-SIAR DI PANTAI

## "CORETANKU"

Maafku pinta duhai teman-teman
Dalam persahabatan yang terjalin
Yang mana baik buat tauladan
Usahlah berhasrat dengki
Saling faham-memahami
Orang yang baik selalu dihormati
Fahaman yang bernas dicontohi



Salam hormat dari saya untuk kelian semuga bahagia sampai keanak cucu

Wassalam



Yang benar !

?



NAMA : MUSA BIN YUSOP

NO. PEKERJA : 42023

ALAMAT : Km 19, Kampung - Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka.

NO. TALIPON : —

TARIKH LAHIR : 26.5.1959

KEGEMARAN : Bersukan.

# "CORETANKU"

## Bahagia

Damai dan tenteram
di cintai setiap insan
betapa hancur batin yang di tanggung
lukanya bagaikan arus mengalir
biarpun detik detik berlalu
begitu menyiksakan
kan di tempuhi dan kan di tujui
liku yang penuh kajau dan duri
kedamaian yang di harapkan
dia lah yang memberi
ketenangan jiwa penuh suci
hadapkan segala isi hati
Pada yang esa berserah diri
hidup yang di lalui
Semoga perlakuan di restui





NAMA : DZULRAZIB ABD. MUIZ

NO. PEKERJA : 42733

ALAMAT : SG KANTAN, 7290.
KAJANG, SEL.

NO. TALIPON : 334729

TARIKH LAHIR : 11/2/1958

KEGEMARAN : Music
Mengembara
Serta lain

"CORETANKU"

Kepada semua prantis Jurusan Juruelektrik S. JANAELEKTRIK, serta semua prantis 1981 A, khususnya, saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat berpisah, semoga suatu hari nanti, dapat bertemu lagi.

Tidak lupa juga saya ucapkan selamat maju jaya dalam bidang kerjaya yang kini menanti. Semoga tuhan memurahkan rezeki kamu hingga keanak cucu.

Akhir sekali saya ingin memohon maaf sekiranya ada kata-kata yang tersinggong atau perbuatan saya yang kurang senang, dalam pergaulan kita sejak dulu, harap dimaafkan.

Sekian dan Teman mu

Dzul



NAMA : STANLEY P. SAMINATHAN

NO. PEKERJA : NC: 43342.

ALAMAT : NO. 5C, JALAN KASAH,
MEDAN DAMANSARA,
KUALA LUMPUR
WEST MALAYSIA.

NO. TALIPON : 945113.

TARIKH LAHIR : 11-11-1957.

KEGEMARAN : CORAK MUZIK.
AMERICAN JAZZ ROCK,
SLOW BLUES. RED RAGGAE
INDIAN POP MUZIK, &
CLASSICAL.
(SPORTS)

"CORETANKU"

Sahabat-Sahabat ku,

Perantis 1981A, selamat sejahtera. Di ruangan Coretanku ini saya mengucapkan selamat berjaya di masa dapan. Saya mengucapkan selamat berjaya kepada semua member-member. Saya amat berterima kasih kepada instrukter yang telah membantu dalam masa latihan kami di ILSAS. Di sini biarlah saya akhiri dengan serangkap pantun.

Tiga tahun makan nasi kawah.
Telor sabup setiap pagi.
Terima kasih bersusah payah.
Terhadap instruckter yang kami hormati.

Sahabat Mu,
4-12-1983

ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY
STAFF WHO UNDERLINES WORDS, MAKES
NOTES IN THE MARGINS OR DISFIGURES
OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.



NAMA : Md. Shukur b. Sulong

NO. PEKERJA : 44747

ALAMAT : 587-C, BIK 3, TINGKAT 3 FLAT SRI PAHANG, JLN BANGSAR K. LUMPUR.

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 1.2.1961.

KEGEMARAN : SUKAN: Badminton TABLE-TENNIS, BOLASEPAK, JOGGING. MUZIK, BERKELAH, MENCARI KETENANGAN - ALAM SEMULAJADI.

## "CORETANKU"

KEPADA PERANTIS 1981 A BAHAGIAN JURULETRIK STESEN JANALETRIK, SELAMAT MAJU JAYA,

WASSALAM.




NAMA : FAZIL NAYAN

NO. PEKERJA : 44751

ALAMAT : KPG PERPAT
KOTA SARANG SEMUT
ALOR SETAR .

NO. TALIPON : RAHSIA, SEBAB TIADA

TARIKH LAHIR : 1-5-1962

KEGEMARAN : BUAT LAWAK!
HEH ... HEH ..! HEH ...

## "CORETANKU"

HI ! EVERYBODY ,

KALAU NAK INGAT MY SELF INGATLAH . NAK TAHU CARANYA ? MUDAH SAJA .

SEBUTLAH AKU BANYAK-BANYAK YAKNI , AKU ... AKU .. AKU ... AKU ___ AKU .. HINGGA YOU ALL BORING . DALAM WAKTU DAN SAAT KEBORINGAN ITULAH MUKA AKU YANG HANDSOME AKAN DATANG MENJELMA DI KEPALA HOTAK KAU .

LASTLY BUAT APAPUN ASAL KORANG BAHGIA .

* MAKANLAH APA YANG BOLEH DI MAKAN
TAPI JANGAN MENTEDARAH SUDAHLAH *



NAMA : GAN JOOE BIN

NO. PEKERJA : AK774.

ALAMAT : 28. JALAN JAFFAR.
BENUT. PONTIAN.
JOHOR

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 20 - 2 - 1960.

KEGEMARAN : BERSUKAN
MUZIK

## " CORETANKU "

Sebenarnya Saya tidaklah berapa pandai hendak mengarang Coretan walaupun sepatah perkataan. Akan tetapi untuk tidak menghampakan harapan kawan semua, jadi Saya cuba sedaya upaya yang boleh mencoretkan sesuatu. Lagipun Saya bimbang sebab pulut santan binasa. Sebab mulut badan merana.

Kita sepatutnya berbangga dengan pencapaian kita sekarang ini jika dibandingkan dengan orang yang menganggur. Selama 3 tahun kita berkursus di ILSAS. Sekurang-kurangnya kita dapat tahu serba sedikit mengenai sistem LLN. Dalam pada itu kita hendaklah berusaha meningkatkan prestasi kerja supaya kita dapat menduduki diperingkat yang lebih tinggi dimasa hadapan. Dalam pada itu berhati hatilah ketika menjalankan tugas sebab malang tidak berbau.

Andainya selama ketika kita berkursus, Saya ada melakukan kesilapan terhadap kawan-kawan semua jadi maaflah yang Saya pohonkan

Gan Jooe Bin



NAMA : MOHD. ADNAN B ABAS

NO. PEKERJA : 43343

ALAMAT : LOT. 2212, KAMPUNG DELEK, KELANG SELANGOR.

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 15 hb JAN. 1959.

KEGEMARAN : MUZIK, MENDENGAR LAGU ROCK & BERANGAN

---

## "CORETANKU"

Mari kawan dengar aku punya cerita,
Orang Kelang asalku, kalau nak tahu,
Hidup jadi seorang apprentis,
Dah nasib badan, aku JOBLESS baik sapu.
Aku puas makan nasi bawah jadilah asalkan hidup dan senang.
Dari aku mentedarah benda yang boleh aku kapit. lagi terok.
Nanti susahkan member nak buat collection, bukan susah aje.
Aku kadang bising juga, tidur tangan letak kat dahi.
Nampak member dia panggil aku MJR, lagi nyaya punya kes.
Aku dah bosanlah nak cerita lagi cara kau orang.
Bukan kau orang mengantuk, terasa lentok leceh betul.
Aku susun 10 jari, maaf aku pohon O.K kawan-kawan.
Selamat berpisah, take your own care, not-mat ALIGATOR

Pesa.
-Nan-

# Bertemu dan berpisah jadi amalan hidup

AKU
NAK
RELAX

RAKAN-RAKAN DESAK CEPAT KAHWIN





# Hati

DILEMA MEMILIH

CintakuCintamu

SEBUAH MEMORI INDAH

NAMA : Zahari Mohd Noor

NO. PEKERJA : 44376

ALAMAT : 1883, Jalan 18/42c
Taman Sri Serdang,
Seri kembangan, Selangor.

NO. TALIPON : Belum Masuk Lin

TARIKH LAHIR : 29. Mac '60

KEGEMARAN : Apa yang berkenan di hati

'1983' Kenangan Lalu...

MENGUMPAT BERDOSA KECUALI...

A

ANGIN DARI UTARA

Melodi Cinta

"CORETANKU"

Bisikan Rindu

Apo Nak Dikato

KHIRNYA BERHASIL JUA

MACAM-MACAM SUARA GENERASI BARU

ANDA KE JALAN ALLAH



NAK BERPANTUN, BERMADAH DAN LAIN LAIN MEMBER SUDAH BUAT. SO, MYSELF TUMPANG SEKAKI SAJALAH.
TAPI JANGAN LUPA KAWAN KAWAN!
BILA SUDAH TAK TAHAN MEMBUJANG LAGI....
HAA...!!! HANTARKAN SAYA KAD JEMPUTAN.
DAN KEPADA YANG MASIH BERJIWA RETAK TU.....
BILA SUDAH MAMPU, BELI LAH JIWA PLASTIK.
SALAM SAYANG MELAYANG KEPAYANG DAKU UNTOK MU.

Cek Mek Molek

AH KAU SIAM

kiss bertemuah and say berpisahoh Good bye



LIKU-LIKU HIDUP

"KASIH SAYANG ADALAH PENGERAT HATI, TANPANYA HIDUP INI AKAN JADI HAMPAR SERTA MENYEPIKAN, BEGITULAH KEHENDAK ALAM."



NAMA : AZIZUDDIN ALI

NO. PEKERJA : 44808

ALAMAT : 147, KG. TG. BANGKONG
MALIM NAWAR
PERAK

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : SEPT. 1961

KEGEMARAN : BERSUKAN SERTA HIBURAN

## "CORETANKU"

AKU TERMENONG SEORANG DIRI MENENANGKAN
ZAMAN YANG PENUH DENGAN SENDIWARA INI
INDAHNYA SEMENTARA SAJA TAPI
ZURIAT WUJUD DI MANA-MANA SAJA .
UNTUK MENGHARUNGI KEHIDUPAN DI DUNIA INI,
DAN AKU ANTARA JUTAAN MANUSIA YANG
DALAM SATU PERNANTIAN . KINI AKAN MENJADI KEPASTIAN
ILSAS KU TINGGALKAN
NAMUN INGATANKU TETAP ABADI
ANDAI KATA KU MENGUTUKMU SERTA
LAKUKAN BANTAHAN DAN PANDANGAN JANGANLAH DI HIRAUKAN
ITULAH YANG DAPAT KU CORETKAN DALAM NUKILAN YANG HINA INI

OLEH

[signature] 1983



NAMA : KAMARRULZAMAN BIN ANIS.

NO. PEKERJA : 44813.

ALAMAT : C-9, JALAN MELOR, KAMPUNG ATTADURI, LANGKAP, TELUK INTAN, PERAK.

NO. TALIPON : 05-637495. LANGKAP, PERAK.

TARIKH LAHIR : 2.4.62.

KEGEMARAN : MENGEMBARA, MEMBACA BUKU, MENGORAT, MENDENGAR RADIO DAN MENYELUK SAKU SENDIRI SEBAB DUIT SELALU POKAI.

## "CORETANKU"

ASSALAMU'ALAIKUM,

Selamat sejahtera.

Kawan-kawan sekelian,

Saya tak mahulah cerita banyak sebab pepatah Melayu ada menceritakan : sebab pulut santan binasa. Lagipun nanti ada orang yang bising.

Akhir kata berhati-hatilah ketika menjalankan tugas.

UTAMAKAN KESELAMATAN.

Wassalam. Terimalah kasih.

BERKHIDMAT UNTUK ALLAH.

* Teluk Intan bandar tertua,
Seratus tahun lebih usianya,
Jika ada kelapangan masa,
Silalah singgah di kampung saya.

* Andainya saya ada kesalahan,
Maaflah ima yang saya pohonkan,
Makan minum harap dihalalkan,
Semoga persahabatan kekal berpanjangan.

Zaman
Kamarrul Anis.
6.12.83.



NAMA : MAZLAN MOHD. TAHIR

NO. PEKERJA : 44814

ALAMAT : SG. MERAB LUAR, KAJANG. SEL.

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 1960

KEGEMARAN : MENONTON.

"CORETANKU"

JIKA ADA SALAH DAN SILAP, HARAP MAAFKAN-2

HATI MAHU BAIK

B...

TA TA...

SWEET BY



NAMA : RAZ.

NO. PEKERJA : 41926

ALAMAT : BATU 14½, JALAN JASIN, MERLIMAU, MELAKA.

NO. TALIPON : TIANG BELUM PASANG.

TARIKH LAHIR : TAK INGAT --?

KEGEMARAN : TIDUR SETELAH LETIH.

## "CORETANKU"

ANAK KERBAU SIANAK RUSA,
MARI MINUM DIDALAM BALDI
YANG INDAH ITU ------
YANG CANTIK ITU ----,

Maaf kawan-kawan kerana aku tidak dapat menghabiskan rangkap pantun itu harap tuan/kawan bubuh sendirilah maaf ya! ok. kita jumpa lagi disuatu masa di suatu ketika, andainya ada aku terkasar bahasa faham-faham sajalah.



NAMA : Silvaraj

NO. PEKERJA : 41972

ALAMAT : 28, Lorong McConechey, Off Jalan Peel K. Lumpur

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 26/11/1959

KEGEMARAN : Bermain Squash + Cricket
Mendengar Muzik Rock

"CORETANKU"

Dedicated To All Apprentices Of 1981 A

Many May Come
Many May Go
But You All Are The Best

Missing You All
With Love

7/12/83




NAMA : A. Muniandy

NO. PEKERJA : 4471

ALAMAT : NO 59 JALAN REKO KAJANG SELANGOR

NO. TALIPON : 33179.....

TARIKH LAHIR : 4-4-1961

KEGEMARAN : membaca dan membaiki ALAT ELEKTRONIC

## " CORETANKU "

Kawan kawan semua

Saya tak mahu lah berbicara dengan panjang nya sebab saya tidak lah berapa pandai berceloteh

Andainya sepanjang masa kita berkursus di ILTAC ini saya berkemungkinan telah menyinggung perasaan tanpa di sedari jadi saya memohon ribuan ampun dan maaf

Akhir kata, Selamat maju saya dan berhati hati lah ketika menjalankan tugas dan biar lah jauh di mata tapi dekat di hati



NAMA : ROSLAN IBRAHIM

NO. PEKERJA : 44710

ALAMAT : SETAPAK

294, KG. PASIR, WARDIEBURN K. LUMPUR.

KEM, SETAPAK, K. LUMPUR.

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 8 NOVEMBAR 1960

KEGEMARAN : MUZIEK
MAKAN
MINUM.

## "CORETANKU"

Teman teman sepenjuangan ku yg disanyangi, tiada apa yg hendak di conetkan. Tapi sikit cerita ada, tengok sajalah gambar diatas tu dengan gaya yg tersendiri. belakang-nya Kereta Desan, Gaya tu ada, Lam alit saja yg tak ada. Ingin hati dahulu nak jadi Gigolo yg tenon dalam K.L. tapi permohonan ditendang kenana tak cukup syarat dan sekarang tersadai di L.L.N. sebagai appenuitis. Hai!! apa nak buat, taik kambing bulat-bulat, gentel gentel buat ubat.

Dlm perantisan banyak pengalaman suka duka, nemeh temeh, yang di perolihi dan juga pelajanan. Belajan sampai berbelit-belit kepala otak di buat nua. Hai!! bukan senang nak jadi fitten be!!!
Nampak nya sampai tua lah berhidmat untuk L.L.N

Buat teman teman, maaf jua yg dapat ku pinta
Sekira nya terdapat salah dan silap selama
kita bersama dlm arena PERANTISAN

MAAF ZAHIR BATIN..........

Dari ku: [signature]

TINGGAL KENANGAN




NAMA : ZULKAFLI AHMAD

NO PEKERJA : 44780

ALAMAT : KG. SELANCHAR
PAGOH MUAR
JOHOR.

NO. TALIPON : ——

TARIKH LAHIR : 1961

KEGEMARAN : MENDENGAR LAGU SENTIMENTAL, SLOW ROCK DAN BERSUKAN.

TANDA TANGAN

AKU ADALAH AKU

KU CARI DAMAI DI HATI

## SUDUT PENA:

**Buat Teman₂ Semua;**

Aku dilahirkan bukan sebagai anak seni, lalu aku tak mampu membibit simponi indah, namun dalam kesunyian malam di kamar yang sepi ini, ku cuba memaksa diri membibit walau sekuntum cuma, buat tatapan kalian. Disini di satu nastulgia kita di pertemukan, disini kita bersama mengenal arti persahabatan, arti kesopan, arti rindu dan arti perantian dalam satu pencarian buat mengharungi kehidupan yang penoh ranjau ini. musim-musim perpisahan dan pertemuan kita liwati bersama

**Teman-teman ku;**

Hari yang berlalu terus berlalu membawa bonbu sandiwara hidup ini dan kemesraan membuat kita lupa akan penghujung pertemuan, dan kini saat-saat itu telah tiba untuk kita menghadapinya. Apakah ada lagi pertemuan buat kita?!. Aku juo seperti kalian semua lahir dengan kekurangan. dgn itu aku tak mampu lari dari kesilapan. lalu dalam melodi perpisahan ini ku susunkan jari sepuloh. agar segala tingkah ku yang menyentoh hatimu kau sisihkan jauh-jauh bagi diri ku kalian semua tetap saudara ku dunia dan akhirat.



NAMA : Saadon b. Kadimin.

NO. PEKERJA : 44782

ALAMAT : Pt. Ghani,
Bkt. Gambir,
Muar,
Johor.

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 1961

KEGEMARAN : Ngebrol!

'CORETANKU'





NAMA : V. GOBAL.

NO. PEKERJA : 43249

ALAMAT : No. 199A, Jln. Api off Pantai Baru, LLN Qtrs, Kuala Lumpur.

NO. TALIPON : Tiang Talikom Tak Cukup.

TARIKH LAHIR : 27 4. 1956

KEGEMARAN : Mendengar Muzik Sentimental'
Membaca.

## "CORETANKU"

Tatapan rakan seperjuangan yang ku ingati,

Jika ada keterlanjuran laku dan kata, kemaafan jua dipinta.

Pohon cemara sipohon jati
Burung jelantik bersarang tinggi
Berkicau riang dipagi hari
Pertemuan dan perpisahan silih berganti
Di suatu masa kan bertemu lagi
Ingatan jua pengganti diri.

*Biar pi apa orang nak kata, asalkan kepa rasa bahagia, kita dengan cara kita, apa yang kita mahu, kita sendiri usaha ....*



NAMA : MOHD. SHUKRI AHMAD

NO. PEKERJA : 44748

ALAMAT :
SEBERANG PEKAN CINA,
ALOR SETAR, KEDAH.

NO. TALIPON :
7 3/4 2 1/2 2

TARIKH LAHIR :
18 - 3 - 1961

KEGEMARAN :
MENUNG & ANGAU

## "CORETANKU"

MEMBERKU ...

KALAU HAMPA DOK INGAT KAT AKU, AKU PUN INGAT KAT HAMPA. KALAU HAMPA DAH LUPA KAT AKU, MEMANG HAMPA TAK BOLEH BUAT MEMBER.

MUNGKINKAH INI KATA-KATA PUJANGGA? TAPI AKU BUKAN SATU DARINYA. AKU HANYA INSAN BIASA. SEKADAR MENDENGAR DAN MENIRU PULA. BEGITULAH HIDUP KITA, MENGIKUT DAN MENIRU APA YANG TELAH DI LAKUKAN OLEH ORANG-ORANG TERDAHULU DARI KITA. SIAPA YANG BETUL CARA MENIRUNYA, MAKA BAIKLAH IA. JIKA SEBALIKNYA, MAKA SEBALIKNYA-LAH PULA IA .... SYUKURLAH, KERANA GENG KITA SEMUANYA BOLEH DI KATAKAN BAIK-BAIK BELAKA. SEMOGA BERKEKALAN SEDEMIKIAN RUPA. CUMA YANG BANYAKNYA MAT JIWA RETAK SAJA. MACAM-MACAM RAGAM ADANYA. MEMANG BEGITU MANUSIA. BERSEDIH UNTUK SEKETIKA, SETELAH BERGANTI LUPA SEGALANYA. SEDARLAH, TEMAN KETAWA DIMANA-MANA. TEMAN BERDUKA SUSAH NAK JUMPA ..... TAPI ADA.

BAGI AKU, KALAU HAMPA TERKELIH AKU TANG-TANG MANA, KELOILAH, KOT-KOT BOLEH PEKENA KOPI-O BUTA.

UNTUK SEMUA, SELAMAT MAJUJAYA. APA ADA YANG SALAH, MAAFKAN SAJA ..... DALAM KENANGAN.



**BERWAJAH BARU**

NAMA : HAKIMI OSMAN

NO. PEKERJA : 44750

ALAMAT : KM 0.8, JALAN SANTAN
KANGAR, PERLIS.

NO. TALIPON : TARAK

TARIKH LAHIR : 13-3-1962

KEGEMARAN : SUKA HATI
HAMPA LAH

Hakimi

" CORETANKU "

ASALAMUAIKUM SEMUA ...
YANG SEBETUINYA AKU NI TAKLAH SEHEBAT PIAN HABIB
TAPI KALAU SEKADAR NAK KENCING TU ANYTIMELAH

TEMAN;
HIDUP NI IBARAT RODA, SENTIASA BERGOLEK.
LEBIH KURANGLAH DENGAN KITA NI PUN
ADA KETIKA KITA BERMESRA, ADA MASA KITA BERPISAH
JUSTERU ITU, BERTEMU JANGANLAH JEMU,
BERPISAH JANGANLAH HAMPA DOK RESAH NANTI SUSAH
KALAU HAMPA DAH RINDU SANGAT KAT AKU, AMBIK
AYIAQ SEMANGKUK DAN HAYUN

KELAHIRANMU MENJADIKAN DAKU PERANTIS
SESUNGGUHNYA SINARMU MENYULUH
HARI DEPANKU ......

***Seseorang terpaksa hadapi berbagai ujian di samping mengekal sifat-sifat terpuji***

SELAMAT MENEMPUH LIKU2 HIDUP

SEMPADAN



NAMA : ZAIFUDDIN ALIAS

NO. PEKERJA : 44789

ALAMAT : 239, TG. IPOH
K. PILAH
N. SEMBILAN

NO. TALIPON : 06/811098

TARIKH LAHIR : 15 HB SEPT. 1960

KEGEMARAN : MENDENGAR LAGU-LAGU 'ROCK'

## " CORETANKU "

Tersadai edan di L.L. Negara,
Tiada kerja apakan daya;
Ingatkan keluar jadi Jurutera,
Rupa-rupanya seorang Fitter.

Kisah terjadi didalam kelas,
Ketika diajar oleh instructor;
Walau pelajarannya serba ringkas,
Tapi semuanya memeningkan kepala.

Telatah student di dewan makan,
Makan bersama dengan Mr. Foo;
Sudu jatuh tidak disengajakan,
Apalagi kenalah booo!!!

Selama kita berada disini,
Pahit maung kita rasai;
Sehati sejiwa sehidup semati,
Tatkala berpecah pandailah sendiri.

Duhai teman yang disayangi,
Ku coretkan warkah utk dibaca;
Kupohon ampun sepuluh jari,
Jika ada yg menyakiti hati.

salam manis
dariku




JANGAN TUNGU LAMA - LAMA
NANTI LAMA - LAMA
IA DIAMBIL LALAT

:MR LEE

maaflah gambar gua tak handsome

NAMA : K. PURUSOTHMAN.

NO. PEKERJA : 18284

ALAMAT : NO A6, JALAN 2, BATU 8, JALAN PUCHONG, SELANGOR.

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 27-6-1956

KEGEMARAN : MENGUMPUL SETEM DAN MENDENGAR LAGU-LAGU POP TAMIL.

## "CORETANKU"

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua instructor yang berkenaan untuk mendidik saya sebagai seorang jurugegas elektrik. Sekim perantisan ini merupakan satu pembuka jalan untuk kemajuan dalam jurusan saya iaitu bahagian pencawang, dimana saya dapat mahiran dari segi tiori dan amali. Dan saya juga ingin mengucaptan ribuan terima kasih kepada semua rakan-rakan saya yang telah membantu saya dalam semua lapangan.

Sahabat mu,
K. P. Man.



NAMA : ABDULLAH ISA

NO. PEKERJA : 44730

ALAMAT : NO 6 JALAN TERASEK 6, BANGSAR BARU, KUALA LUMPUR.

NO. TALIPON : 949355

TARIKH LAHIR : 5-4-1961

KEGEMARAN : RACING MOTOR MENDENGAR LAGU ROCK.

## " CORETANKU "

S = SEBAHAGIAN DARIPADA HIDUPKU.

W = WALAUPUN DIMASUKI DALAM APPRENTIS

E = EKORAN DARI ITU PERTEMUAN TERCETUS

E = EDEN DAN TEMAN SEMUA RIANG DI SINI

T = TAPI... KINI TANDA DI SEDARI KITA AKAN TERPISAH BUAT SELAMA NYA..

S = SALAM PERPISAHAN

C = CUMA SEMENTARA SAJA

O = ONAK DAN DURI KITA TEMPUH BERSAMA

R = RANCANGAN MASA DEPAN

P = PERLUKAN DI RANCANG

I = ITU SATU HARAPAN

O = ORANG TUA KITA

N = NAMUN KESIHATAN PERLU DI JAGA

S = SUPAYA SEMPAT MERASA BAHAGIA.

SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN MAKA KU POHON MAAF DARI TEMAN-TEMAN.



NAMA : ABDUL HAMID B. SULAIMAN

NO. PEKERJA : 41890.

ALAMAT : BATU 14½ JLN KAMPAR GOPENG PERAK

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : LEBEH SUKU ABAD

KEGEMARAN : BERSUKAN DI....?...

## "CORETANKU"

ANTARA PERTEMUAN DAN PERPISAHAN
BERLAKU NYA CUMA SEKELIP MATA
DIANTARA PERANTIS 81/A
USAH DICELA KETANDUSAN BICARA DAN BUDI KAMI
LUMRAH MANUSIA ADA SALAH DAN SILAP NYA

HIDUP DALAM SATU ASRAMA.... MAKAN DALAM SATU DEWAN DAN BERMAIN DLM. SATU PADANG
ADAKALA NYA KETAWA RIANG DISULAMI DENGAN DUKA NESTAPA
MEMORY INI SENTIASA SEGAR DI DALAM DAIRY HATI JIWA KAMI
INDAH NYA MENJALANI LIKU HIDUP DIALAM PERANTISAN
DALAM KEPILUAN....... PERPISAHAN AKAN MENJELANG JUA

BILA BERKELANA DITEMPAT ORANG
INI MENIMBULKAN PULA SATU MASAALAH
NAMUN BEGITU....... AKAN DIHARUNGI DENGAN HATI YANG TABAH DAN CEKAL

SETIAP KALI KERINGAT MU JATUH MENCECAH BUMI
UNTUK MENERUSKAN SISA HIDUP DIALAM SAMUDERA
LARILAH........ DARI RASUAH DAN PENINDASAN
AMANAH ALLAH HENDAKLAH DI PENUHI
INSAFLAH....... .......... SEBAGAI SEORANG HAMBA ALLAH
MENSYUKURI ATAS NIKMAT YANG DI KECAPI
ANDAINYA HIDUP DILAKSANA MENGIKUT HUKUM UGAMA
NESCAYA..... KEDAMAIAN DAN KETENTERAMAN JIWA AKAN DIPEROLEHI

NUKILAN DARI
D 3, INSTITUT SULTAN AHMAD SHAH



NAMA : ROSTAM . SULAIMAN.

NO. PEKERJA : 8.123 X 5000.

ALAMAT : NO 90 SIMPANG,
BATU LIMA JALAN BANGI
BANGI SELANGOR.

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : FAB. 161958.

KEGEMARAN : MEMERHATIKAN GELAGAT MANUSIA.

## "CORETANKU"

"SELAGI MANUSIA - MANUSIA INI TIDAK DIGARI HATINYA DENGAN KEINSAFAN,
SELAGI ITULAH IA MENJADI BAPAK SYAITAN."








NAMA : MOHAMAD SHAH BUDIN

NO. PEKERJA : 44749

ALAMAT : 34 KAMPUNG REPOH JALAN SANTAN, KANGAR PERLIS

NO. TALIPON : 751451

TARIKH LAHIR : 26 MARCH 61

KEGEMARAN : MENDENGAR LAGU YANG BERIRAMA SENTIMENTAL



*Tinggal Kenangan*

SENYUMANMU

SUATU PENAWAR

# CORETANKU

## DI CELAH-CELAH KEHIDUPAN

KUCARI KEPASTIAN
HATI SEORANG
GADIS

KETAHUILAH DUHAI INSAN
BAHAWA PERTEMUAN DAN PERPISAHAN
ADALAH MAINAN MAYA INI. LANTARAN ITU
USAHLAH DISEDIHKAN PADA DETIK
PERPISAHAN DAN USAHLAH DISEGALKAN
PADA SEBUAH PERTEMUAN.
JUSTERU ITU JADIKANLAH IA
SEBUAH MIMPI NAN INDAH YANG
ANDAI SUKAR BERULANG KEMBALI.
PERMISI DAN RIBUAN MAAF
DARIKU JEJAKA UTARA.



*Esoknya
kulihat dalam matamu
riak-riak perpisahan
memukul pantai damai ini
bersama sebuah ucapan
"Selamat tinggal"*

**SEJENAK DI SISIMU**

di sini
ada secebis senyuman
pada alas-alas bibir

**shab**




NAMA : AZMI BIN AB. LATIFF

NO. PEKERJA : 44746

ALAMAT : 91-C, JALAN 17-2,
P. JAYA, SELANGOR

NO. TALIPON : 03-564247

TARIKH LAHIR : 23.7.1961

KEGEMARAN :

# "CORETANKU"

Aku Mengucapkan Selamat Berbahagia
Zaman Apprentis Telah Kita Akhiri
Hari Dan Bangsa Akan Kita Berbakti
ILSAS Tempat Kita Pelajari......

Ranjau-Ranjau Telah Kita Lalui
Ombak Suka-Duka Ditempuhi
Hati Ini Enggan Berpisah Lagi
Apprentis 81-A Yang Ku Sayangi
Namun Takdir Akan Kita Dipertemui
ILSAS Tempat Bersua Lagi

FROM: LOVE KIDS

Azmi

Ronnie....



NAMA : MOHD RIPIN MOHD ALI

NO. PEKERJA : 44795

ALAMAT : 1163. PULAU MANIS
W/POS TELEMONG.
KUALA TERENGGANU.

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 22/7/1962.

KEGEMARAN : BERSUKAN & BERSIAR-SIAR.

ttd. 6/12/83

## "CORETANKU"

"Gwano mu Lo-ning
Kalu nak ingat ke-kito ingatlah
kito sentiasa ingat kedemo semua"
Kalu tambah ingat pulo------
[illegible] [illegible]
[illegible].




" HIDUP INI MEMERLUKAN PERJUANGAN
PERJUANGAN MEMERLUKAN PENGORBANAN
PENGORBANAN MEMERLUKAN KESABARAN
KESABARAN DALAM MENGEJAR CITA-CITA.

Leo manja 2714
Kembara

* ADAKAH ANDA SEMUA
TELAH TERCAMPAI
MATALAMAT HIDUP HARI INI
KALAU BELUM ------ USAHA LAGI -

TRG.
D4



NAMA : MOHD. DIN IDRIS

NO. PEKERJA : 44772

ALAMAT : KG. KBG. BONGOR. HILIR MELOR, KOTA BHARU, KELANTAN.

NO. TALIPON : TADAK LAGI

TARIKH LAHIR : 19. APRIL 1960AN

KEGEMARAN :

APA-APA JANJI BAHGIA

## "CORETANKU"

GUANO KAWE-KAWE,

KITO NI DOH NOK PISOH, KALU BULEH INGAKLAH KE AKU RETEK. AKU INGAK KE KAWE-KAWE BELAKO. JADI BILO PISOH INI, KEGIATE **LALAT** KENALAH KATOK, TAPI KALU NOK BUAT LAGI, BUATLAH DENGE CARA SEDIRI.

HARI INI HANYALAH UNTUK HARI INI DAN ESOK APO NO' JADI - JADIK !!!



SAPO NI..WEH ?

MESRA SELALU,

b/p. PRESIDEN LALAT

@ COPY UNION.




Siapa Aku ?...

NAMA : Jamalludin b. Jali

NO. PEKERJA : 44769

ALAMAT : 156, Jalan Temerloh,
Mentakab.
Pahang.

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 11hb. Jan. 1961.

KEGEMARAN :- Ketenangan & Kedamaian

## " CORETANKU "

Semoga segala usaha diberkati Allah
Mencapai apa yang di cita citakan dalam perjalanan hidup, menuju kepuncaknya.

Kepada :-

Rakan rakan seperjuangan dan sesiapa saiapa jua yang mengenali diri saya. Saya pohonkan memohon maaf dunia dan Akhirat. Sekira saya terlanjur kata dan perbuatan, selama kita kenal dan mengenali diantara satu sama lain.

Selamat berpisah, Semoga di izin Allah untuk berjumpa lagi disatu masa nanti, Insha Allah...!



Wassallam.



# SAYA DENGAN



NAMA : GHAZALIE B. GHANIE

NO. PEKERJA : 44756

ALAMAT : 48, JALAN KG. BAHARU, KG NYIOR, PAKA, DUNGUN, TRENGGANU.

NO. TALIPON : ADA, CARI DALAM YELLOW PAGE.

TARIKH LAHIR : 1961. 3. 30.

KEGEMARAN : BERANGAN; MENYANYI DI BILIK AIR.

LEMBAGA LETRIK NEGARA
TANAH MELAYU

TENAGA MEMBENA NEGARA

## "CORETANKU"

TAMAT SUDAH PERANTISAN 1981A DISINI.
TIGA TAHUN LAMANYA KITA HADAPI
SUKA-DUKA, RIANG GEMBIRA GELAGAT TEMAN DIASRAMA D SEMUANYA SEPI.
CORETANKU INI PENGANTI DIRI.
ADALAH DIHARAP APABILA SEMUA KELUAR NANTI
PANDAI-PANDAI BAWAK DIRI ....... SEBAB TUGAS BERAT
SEDIA MENANTI .....
JADILAH DIRI DARI PENINDASAN SERTA RASUAH MENANTI.
DAN SATU TEMAN SEMUA MENGERTI .......
BILA YANG ADA KAHWIN SENDIRI.
LAYANKAN SATU SURAT DISINI .......
HAMBA PERGI WALAUPUN SEBELAH KAKI.

* SATU JASA TIDAK KU LUPAI
DARI K.T AKU KEMARI (ILSAS)
MENIMBA ILMU & PENGALAMAN DIBERI
TERIMA KASIH KU UCAPKAN SEMUA DISINI
DISINI BERMULA KU MENCARI REZEKI
SYUKUR KEPADA ALLAH TIDAK KU LUPAI
CUKUP DISINI KU MENGUNDUR DIRI
BILAKAH AKAN BERSUA LAGI
CUMA ALLAH SAJA YANG MENGETAHUI.

Parder



NAMA : NamyoB Nib NasaH

NO. PEKERJA : 28734

ALAMAT : Desa Rimba Nestapa Ulu Cucuh, BKT Bangkong, Sepang Selangor.

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 1069 . 02 . 17

KEGEMARAN : Makan Freelan Over Time DLL

" CORETANKU "

ojo Kelaten yoo!

Kenang Daku Dalam Doa Mu

Salam Mesra Yang Berkekalan Dari Ku Jawe Pure!!




Aku Bukan Pujangga
Hanya Seorang Fitter Tua!




NAMA : MURAD B. AB. RAHMAN

NO. PEKERJA : 44816

ALAMAT : 1089 JLN RAJA MUS-
TELUK INTAN, PERAK.

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 19.1.61

KEGEMARAN : MENDENGAR RADIO.

[signature]

## "CORETANKU"

Assalammualaikum!

Menemui kesemua teman seperjuangan ku. pertama sekali saya meminta ampun dan maaf andaikata saya jika terdapat sebarang kesalahan di atas rakan-rakan semua selama tiga tahun yang sudah.

Insyaallah kalau umur kita dipanjangkan Tuhan kita akan berjumpa semula, akhir kata sambut lah salam manis dari saya untuk semua seperjuangan tersebut ini.

Dan jikalau datang ke Teluk Intan jangan lupa singgah ke rumah saya, saya sedia menanti kawan-kawan....

Wassalam.

NAMA : ISMAIL BIN MOHD. DAUD



NO. PEKERJA : 44708.

ALAMAT :- BATU 21, KG. BARU
SUNGAI LUI, ULU LANGAT,
SELANGOR.

NO. TALIPON : —

TARIKH LAHIR : 24-12-1960

KEGEMARAN : BERKELAH.

## "CORETANKU"

"BIARKAN IBU MU MENANGIS.
KERNA KEJAYAAN MU;
JANGAN BIARKAN IBU MU MENANGIS
KERNA TINGKAH LAKU MU".










Salam Bahagia dari saya.

Wassalam.

82.

ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY STAFF WHO U D... I ... WORDS, MAKES NOTES IN THE MARGINS OR DISFIGURES OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.



NAMA : SARIPUDIN BIN BAHARUDDIN

NO. PEKERJA : 44722.

ALAMAT : 229 LORONG TENGAH KAMPUNG BAHAGIA TELUK INTAN, PERAK.

NO. TALIPON : —

TARIKH LAHIR : 20-6-1961

KEGEMARAN : BERSIAR-SIAR MENCARI KETENANGAN.

## "CORETANKU"

KENANG DAKU DALAM DOA MU:

HIDUP KU SEBAGAI SEORANG INSAN,
YANG SENTIASA MENCARI KETENANGAN.
WALAU PUN DIMANA,
DESA MAHU PUN KOTA.

TAPI SEGALANYA TIADA NYATA,
HANYA TINGGAL KENANGAN BELAKA.
TEMPAT BERMESRA DAN KETAWA,
HANYA TINGGAL BUAT SEKETIKA.

HARI DEMI HARI YANG DITEMPUHI,
BERLALU DENGAN SERIBU KENANGAN.
PASTI TIDAK KU LUPAI...
SELAGI HAYAT DI KANDUNG BADAN.

SUDUT PENA

NAMA : FADZIRUDDIN MOHAMAD

NO. PEKERJA : H4721

ALAMAT : 4313/52, RUMAH PANGSA POLIS, BUKIT AMAN, KUALA LUMPUR.

NO. TALIPON : SEMUA NO TEL. AWAM ITU ADALAH NOMBOR TEL. SAYA.

TARIKH LAHIR : 2$^{hb}$ JUN, 1960

KEGEMARAN : MELEPAK & MELALAT, MEMBONGKANG,

Ooomak! body best laa! tapi muka handsome serupa nagaaa...

KITA NI BIARLAH MISKIN BODY, ASALKAN KAYA BUDI..



SENSORED

Eee! HARAM! JANGAN TENGOK LAMA-LAMA...

* FOTO INI DIRAKAM KETIKA DALAM PERJALANAN UNTUK MENYAHUT SERUAN KERAJAAN. (melabur.. daaaa ---!)

Ini lah saja coretan yang dapat saya sumbatkan dalam sudut paper ini, oleh kerana tanya sedikit, tak dapatlah saya sumbatkan banyak - banyak.

السلام عليكم

# "CORETANKU"

-Coretanku? Apa dia coretanku tu? Mungkinkah ianya sejenis kuih ataupun sejenis buah liar yang tumbuh didalam semak dan hutan ataupun ia adalah dari jenis logam? -Cuba teka! Sila hantarkan jawapan anda ke alamat yang tercatit diatas. Keputusan dan nama pemenang akan disiarkan di Biodata keluaran akan datang. Tarikh keluarannya akan diumumkan kelak melalui Radio dan T.V. LLN serta akhbar-akhbar iaitu dunia.

SUDUT LAGU:- Lagu yang popular sepanjang Modula ke 3 ini. - dan menduduki tangga pertama selama 3 bulan berturut-turut.

Tanya pada lalat
Kenapa kau datang
Namu jumlah lalat.
"Sampah kau buang,"
Kita sediakan tong
Jaga kebersihan
Bergotong royong
Bersama-jiran

c/o Kita sama-sama,
Jaga kebersihan
Hapuskan penyakit
Demi kesihatan

SUDUT SEDIH & PILU & NANGIS

Hai, sedih dan berat rasa hati bila hendak berpisah dengan member-member semua, terutama sekali dengan ahli Kesatuan Lalat$_2$ Se Malaysia, termasuklah juga lalat-lalat yang bergiat secara haram tanpa Permit yang sah, tapi depa tu pun lalat jugalahkan! Setelah sekian lama kita bergaul mesra, suka-duka kita rasa bersama, bila tiba waktu berpisah, alahai sayu rasa hati. Hanya satu pesan dari saya pandai-pandailah jaga diri semasa melalat di tempat orang -dan kenanglah saya dalam doa ANDA semua. —— DAAAABAA...!

Sekian:-
Ju.. (Bukit)



NAMA : AHMAD ANSARI B MOHD AMIN

NO. PEKERJA : 46732

ALAMAT : BT 28 SPG 3,
IJOK BTG BERJUNTAI
SELANGOR,

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 5-4-62

KEGEMARAN : MEMBACA DAN
BERSUKAN.

# "CORETANKU"

UNTUK RENUNGAN :

"Kalau makan untuk hidup, dan hidup
untuk makan."

Biarlah anda jadikan makan itu untuk
hidup. dan bukan hidup untuk makan.

Terima kaseh.



NAMA : ASHOK KUMAR.

NO. PEKERJA : 44715.

ALAMAT : BLOCK 93/10.
L.L.N. QTS. JALAN PANTAI
BHARU KUALA LUMPUR

NO. TALIPON : 941401

TARIKH LAHIR : 13.1.1960

KEGEMARAN : SQUASH.

## "CORETANKU"

Saya berasa besar hati dan gembira kerana saya dapat tahu sekarang apa yang sebenarnya perkataan "ELEKTRIK" itu, setelah menjalani kursus di ILSAS ini selama tiga tahun. Saya rasa kursus ini lebih bermakna bagi saya setelah saya menghabiskan pelajaran akademik saya.

Disini saya ingin mengambil kesempatan dalam sudut ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Instruktur-Instruktur yang telah membimbing saya dalam jurusan saya sebagai JURUELEKTRIK DAERAH.

Saya berasa bangga kerana saya diberi peluang untuk berkhidmat dalam keluarga Lembaga Lektrik Negara dan saya berharap dengan secara ikhlas bahawa saya akan berkhidmat untuk negara.



NAMA : ABDULLAH BIN ZAINUDDIN.

NO. PEKERJA : 44744

ALAMAT : 58, JALAN NAKHODA YUSOF,
KG. PANDAN,
K. LUMPUR.

NO. TALIPON : 417476

TARIKH LAHIR : 23-5-1958.

KEGEMARAN : MEMBACA, MUZIK DAN MELUKIS.

## "CORETANKU"

PERGI BERKELAH DI HARI CUTI
DI TEPI PANTAI DI TENGAH HARI
ABDULLAH ZAINUDDIN NAMA DI BERI
BERASAL KG. BUYAU SRI MENANTI.

DARI KAMPONG SINGGAH KE-KOTA
SINGGAH MENUNTUT DI BANDAR BANGI
DATANG BERSAMA TAK KENAL SIAPA
NAK MEMPEROLEHI KEDUDOKKAN EKONOMI.

ORANG MUDA SUKA BERJOLI
JANGAN SAMPAI LUPAKAN DIRI
SUKA DAN DUKA TERDAPAT DISINI
SEGALAGALANYA PENGHIBUR HATI.

DI PESTARIA TEMPAT BERSUKA
DENDANGAN LAGU PENGLIPUR LARA
BERJUMPA DAN BERPISAH ADAT MANUSIA
KALAU BERTEMU BERTEGOR SAPA.



NAMA : ROSLI HASHIM

NO. PEKERJA : 44768

ALAMAT : LEMBAGA LETRIK NEGARA
JALAN GAMBUT.
KUANTAN. PAHANG.

NO. TALIPON : 21033/32

TARIKH LAHIR : 5. NOVEMBER. 1962.

KEGEMARAN : MENGHAYATI SENI

## "CORETANKU"

DIJADIKAN MAKNUSIA
KHALIFAH DI MAYA
MARTABAT LETAKNYA
DI IMAN DAN TAKWA
TETAPI, ADATNYA DUNIA
DARJAT DAN HARTA
DI PUJI DAN PUJA
PANGKAT DAN GAYA
ZAHIR DI MATA





NAMA : FAUZI OMAR.

NO. PEKERJA : 44741

ALAMAT : D/A OMAR BASRI NORDIN, KILOMETER 1, KG. SELBOH, PARIT, PERAK.

NO. TALIPON : NOMBOR TAK MUAT

TARIKH LAHIR : 4HB. NOV. 1961.

KEGEMARAN : MAKAN, TIDOR DAN MERAYAU.

## "CORETANKU"

Amende teman nak berkaba disini, tak le teman tau. Jenoh teman memikirkan apa yang nak ditoreh sebab kerje teman bukan pegang pen tapi pegang "seteru" "dereba" dengan "kaf pen". Apa yang rgeti, masa ni teman bujang lagi........ masih mencari "mangse". Tak tau le nasib tak baik jumpa "Pak Aji" kepit fail ........., malang tak berbau; betui tak!!! Teman bersoreh bukannya betui-betui, nak penuhkan ruangan ni je — cuba mike semua renong beno-beno bukan ke ada kotoh orang baik-baik.

Sebertara lagi, seandainya ada yang ter'tampab', ter'kopi', ter'maggi' atau apa aje le........ mintak maaf je ye — kira halal udah le. Selama tiga tahun bersama ada jugak sedihnya berpisah dengan kome semua.........; dua tiga kali kitio menyampah pun ada tapi sikiittt......t....je!

Kalau kome nak bersoreh dengan teman buat 4-5 bulan ni hanto le ke L.L.N. Ipoh — kemudian hari entah le kemana dihanto dideme'!! Itupun kalau pass.

Dipendekkan cerita yang memang dah pendek......maaf!

MESRA SELALU..... WEH.



NAMA : DOMINGO PEREZ.

NO. PEKERJA : 43704.

ALAMAT : 100C JALAN BERHALA,
BRICKFIELDS,
KUALA LUMPUR.

NO. TALIPON : 441218.

TARIKH LAHIR : 4-8-1957.

KEGEMARAN : MUSIC & SPORTS.

## "CORETANKU"

I would like to thank the organising committee of this booklet for giving me this golden opportunity to give my point of view in this ILSAS for 3 years.
On the whole, I find that this course is beneficial to me. Since, I am in the Electrical Field, I have come to understand more about electricity and its function from the whole course.
I would like to thank the instructors who shared their knowledge and guided me in all means.

Yours Friendly,
Domingo Perez.

SORRY !
my photo tak jadi lah !

NAMA : A. VISWALINGAM.

NO. PEKERJA : 44778

ALAMAT : No: 8, JLN HOSPITAL, KLUANG, JOHORE.

NO. TALIPON : 711607

TARIKH LAHIR : 6.8.1961

KEGEMARAN : MENGUNJUNGI TEMPAT ORANG LAIN

A. Viswalingam.

"CORETANKU"

kepada semua rakan, para instruktor saya ucapkan ribuan terima kasih kerana bekerjasama selama 3 tahun di ILSAS.
selalu ingat pada ku,
aku akan tetap ingat pada anda

WORK HARD !!
HOPE SEE YOU IN KLUANG →

BY. INN ©



NAMA : Mazlan Ahmad

NO. PEKERJA : 44817

ALAMAT :

No. 21A, Kampong Kurnia
Bukit Pekan, Kampar, Perak.

NO. TALIPON : –

TARIKH LAHIR : 30 Ogos 1961

KEGEMARAN : Buat Apa Yang Disuka Asalkan Bahagia.

Mazlan

## "CORETANKU"

Didalam coretan ini, aye tiada ape yang hendak diperkatekan cuma sembang-sembang kosong aje le.

Bagi kome-kome yang ingin belajo lagi tu, bior le rasin-aasin sikit nanti cerah masuk universiti. Jangan ikut macam aye ni, sadi pite ase.

Setinggi cita-cita yang dihasati maka banyaklah halangan yang perlu ditempuhi dengan tabah dan kesabaran. Sabor tu separuh dari iman da!

Dan yang setinggi umat adalah yang sentiasa beriman dan bertaqwa pada Yang Maha Kuasa.

Aye pase bercerita ni, bolehle tapi ..... E... E... E...!

Ngi.... Ngo.... Ngo.... , apa tu? ... Lalat..

Gr ..... Ga .... Ga ...., ape pulak tu!... Orang hiso...

Ngi .... Ngi ... Ngi ...., pulak! Mengoloh le teman.....

... Selamat ......



NAMA : AZMAN ALI @ JACK

NO. PEKERJA : 44705

ALAMAT : 20, AIRPORT SUBANG
KUALA LUMPUR

NO. TALIPON : —

TARIKH LAHIR : 30. SEPT. 1960

KEGEMARAN : NAIK BAS PUTIH LINE HIJAU DAN HISAP ROKOK KRETEK (GUDANG GARAM)

proffzdope ©

## " CORETANKU "

Assalamualaikum.

Buat renungan teman sejawat ku sekelian

Terlebih dahulu aku ingin memohon ampun dan maaf sekiranya ada terkasar bahasa dan kelakuan ku yang tidak menyenangkan kamu sekelian setelah 3 tahun kita bersama. tidur sebumbung dan sekatil. makan sekawah dan senya. kini tiba lah masa perpisahan buat kita semua. Setiap detik. setiap saat segala peristiwa suka dan duka kita lalui bersama akan ku abadikan dalam diri ini. jika ada diantara kamu termasuk juga aku, sudah sampai masa untuk menambahkan keluarga, jangan lupa layangkan kad untuk diri ku. Bagi mat2 grand prix jangan suka cium jalan nanti jalan. bagi mat2 kaki ketuk. jangan suka mengetuk nanti kena ketuk dan mat2 lalat. jangan suka melalat.

Akhir kata. selamat maju jaya dalam segala lapangan.

Insya allah kita akan berjumpa lagi

Hasil Nukilan,
proffzdope ©
(JACK)

P/S jangan kerja kuat2 nanti reput telinga

"Ada duit abang sayang, tak ada duit kasih melayang, begitulah rata-ratanya kehidupan manusia seharian menjadikan wang sebagai tunggak kebahagiaan



NAMA : KAMARRUL (CONEX)

NO PEKERJA : 44717

ALAMAT : LOT. 603, BATU 7 1/2, BUKIT GEDUNG, TANJUNG KLING, MELAKA.

NO. TALIPON

# MENCARI

TARIKH LAHIR : 25HB APRIL 1962

KEGEMARA[N]

Tak banyak yang hendak dikatakan kalau dipuji melambung... nanti Kata orang INDAH KHABAR DARI RUPA... jadi biarlah INDAH RUPA DARI KHABAR

TANGAN

# MENGAPA AKU

MAAF DAKU MAMA

# AKU SENDIRI LAGI DILANDA SEPI

# ditinggal kan



"Well, what will it be — the sharks or the wolf?"



SEBUAH PENANTIAN YANG MEMBOSANKAN

Aku berjanji akan tetap setia padamu sehingga nadiku terhenti. Biarlah kampus Bangi menjadi saksi cintaku padamu.

Orang asli




# KE MANA KAU



NAMA : BAHRAN AHMED

NO. PEKERJA : 44776

ALAMAT : 3A JALAN
STULANG DARAT
JOHOR BAHRU

NO. TALIPON : —

TARIKH LAHIR : MAY 1960

KEGEMARAN : BERDIAM,
DAN PANAS BARAN

## "CORETANKU"

UNTUK SEMUA TEMAN₂ SEPERJUANGAN
JAYA
SELAMAT MAJU DALAM
SEGALA LAPANGAN
YANG DI CEBURI.

MESRA DARI
SAYA.



**NAMA** : SALIM SHARIFF

**NO. PEKERJA** : 44726

**ALAMAT** : LOT 4874, TAMAN CEUPACS, BT. 7½, JLN. CHERAS, K. LUMPUR.

**NO. TALIPON** : 359167

**TARIKH LAHIR** : 29 JULAI 62

**KEGEMARAN** : 'ON' dulu, kemudian dengar lagu-lagu slow rock sambil mengenangkan kembali saat-saat indah waktu ber-sama kelian semua.

T / TANGAN

## 'CORETANKU'

IT IS NOT A DISGRACE TO FAIL.
BUT EVERY FAILURE MUST BE ANALYZED
TO FIND ITS CAUSE. INTELLIGENT FAILURE
IS ONE MORE STEP LEADING TO **SUCCESS**.
THE ONLY TIME YOU MUST NOT FAIL
IS THE **LAST TIME** YOU TRY.

UNIVERSITI TENAGA NASIONAL






NAMA : ZAHIR BIN ISMAIL

NO. PEKERJA : 44736

ALAMAT : 212 L.L.N FLAT JALAN SAN PENG, K.L.

NO. TALIPON : TAK MAMPU

TARIKH LAHIR : 12-11-1961

KEGEMARAN : MENEMBAK LALAT.





"CORETANKU

Aku dikenali sebagai Pada jail dikalangan lalat2 disini. Mungkinkah atau Bagaimanakah ?

Me, ucapkan lalat2 semua selamat berbendring semoga bebas berterbangan sambil mencari rezeki ditong sampah. Me, know lalat disini semuanya ganas2 belaka bila marah mukanya semua pucat tahi. Pada lalat2 yang tidak mempunya pagar, berhati-lah apabila bercakap dengan lalat betina supaya aka tidak tersembur keluar kerana percikannya dapat mengeribankan 500 ekor lalat keturunan mat bunga didalm berita lalat times di sebuah pekampungan di uganda.

Me - berasa amat sedih sekali kerana lalat semua akan meninggalkan sahabat, apa boleh buat !!

Me - ucapkan selamat terbang pada lalat semua Dengan ingatan supaya menjaga diri baik2.



Selamat Tinggal

Dari Pengawas Penjara Pudu,





NAMA : ABAS BIN HASSAN

NO. PEKERJA : 44737

ALAMAT : 116, LRG KRAMAT 3, JALAN DATUK KRAMAT, K.U.L.

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 28 7 1983

KEGEMARAN : MUZIEK

## "CORETANKU"

TIADA APA YANG HENDAK KU CORETKAN DIATAS KERTAS YANG BERSIH INI, CUMA PESAN KU PADA SESIAPA YANG INGIN MENJADI SEORANG PEMUZIEK SELALU-SELALU LAP GITAR TONG PASTIKAN IANYA BERSIH SELALU SUPAYA IANYA MEMCERMINKAN IDENTITI PEMILIKNYA. AKU INI BUKANNYA TERRO SANGAT CUMA BAWA SIKIT DARI RITCHIE BLACKMORE (DEEP PURPLE) DAN ATAS SIKIT DARI MAT JIWA RETAK. YANG SEBENARNYA CITA-CITA KU IALAH UNTUK MENJADI SEORANG PEGAWAI ATAU PENGARAH SEPERTI GAMBAR DIATAS TAPI MALANG HANYA MAMPU EKSEN SAJA C.K.LAH SAYANG AKU HARAP KAU BERBAHAGIA DISAMPING SEDIA

FILEM oleh JUWIE



NAMA : ALIAS B AYUP

NO. PEKERJA 44186

ALAMAT : NO 21 KG PILAH TENGAH
KUALA PILAH,
N. SEMBILAN

NO. TALIPON : BELUM ADA.

TARIKH LAHIR : 30.10.1961

KEGEMARAN : SEMUA BIDANG

" CORETANKU "

FOR ALL MY MEMBERS.

B.M.W

SYMBOL OF QUALITY

NO COMMENT.

EVERYTHING IS O.K.




NAMA : AZIZ ALIAS

NO. PEKERJA : 44788

ALAMAT : BATU 2¼, JLN KUNDUR,
PEDAS,
N. SEMBILAN.

NO. TALIPON : BELUM LETAK NUMBER

TARIKH LAHIR : 12.12.1962

KEGEMARAN : DAN LAIN-LAIN.

KESUKAAN : YANG SEDAP, SELAIN DARI YANG TAK DISUKAI



## "CORETANKU"



APA KHABAR KAWAN. SUDAH SEMBAHYANG KE?
PADA TAHUN 83 NI KITA AKAN TINGGAL KAN ILSAS. (INI PON KOK PASS)
INI MAKNO EH KITO AKAN BOPISAH. KALAU EKAU SAMPAI KO NOGOGHI DEN (N9) BULEH YO DEN TUNJOK AN JALAN KO NOGOGHI SOPULOH PULAK. DEN HAGHAP KALAU TONAMPAK ATAU TOJUMPO KO MUKO DEN YANG TAK LAWA NI JANGAN SOMBONG DAN TAK TOGOR, SEKUGRANG EH ANGKEK LAH KAKI KALAU TAK KONO BOLANJO. MACAM TU YO KALAU DEN SOSEK KEK TOMPEK EKAU, KALAU NAMPAK TU PANGGE LAH DEN. NANTI DEN BULEH BOLANJO EKAU. HA! PADAN MUKO DEN.
HAH SUDAH LAH TU!

SOLAMAT BOPISAH JIKO DIPANJANGKAN UMOR JUMPO LAIE
KALAU TAK JUMPO, LAIE SODAP.



LAIE = LAGI / MORE (Ing.)

TOGOR = TEGUR²





DEN = SAYA + AKU

SODAP = BAGUS

NAMA : JOHNSON

NO. PEKERJA : 44716

ALAMAT : NO 106A, LOT 1252
7½ JLN. BUKIT KEMUNING
KELANG, SELANGOR

NO. TALIPON : BANG-BANG

TARIKH LAHIR : 19 OGOS 1960

KEGEMARAN : MENGACAU




# Horoscope Mekanikal 81A




"CORETANKU"



JUWIE




LEBOR

martin

conex

12AN

NAN CHIN
(JOE MAINA)




RETURN OF SI-JAMBUL.



WAK JAWA
BOMOH PALSU.



PAKNYE
GP BADAK SUMBU
1983.



MECH GIGOLO!!

SIAPA SAYA?



NAMA : MOHD AZMI ABDULLAH

NO. PEKERJA : 44760

ALAMAT : 24J, BATU 48 DUNGUN, TRENGGANU

NO. TALIPON : BELUM LAYAK

TARIKH LAHIR : 19hb NOV. 1961

KEGEMARAN : MERENUNG MASA SILAM dan MENDENGAR LAGU BERENTAK "SLOW ROCK" AND "REGGAE"

## "CORETANKU"

Untok Semua Member,

Doaku pada semula member-member agar berada dibawah keredaan Ilahi dan limpah Kurnianya selalu, kerana orang yang berada dibawah keredaannya akan berjaya di dunia dan akhirat.

Iklas

MAT KEROPOK



NAMA : JAIMI MOHD. YUSOF

NO. PEKERJA : 44766

ALAMAT : 291A, TRANSIT QTRS.
JLN. PANTAI,
PORT DICKSON,
N. SEMBILAN.

NO. TALIPON : -

TARIKH LAHIR : 1-MAC-1961

KEGEMARAN : MENONTON TV

## "CORETANKU"

DIRIKU SEBAGAI PERANTIS MENERANGI HIDUPKU YANG GERHANA. JIWA MERASA SERONOK APABILA MENGENALI L.L.N. DIHATI INI AKAN TERUS BERJUANG BERSAMANYA.

TIGA TAHUN BERLALU, SEKIAN LAMA BERSAMA MEMBER DI ILSAS, SAYANG DAN SEDIH 'ENDAK BERPISAH. WALAU PUN BERMASAM MUKA, BERGURAU SENDA, BERMAIN BERSAMA TETAP DI INGATI.

UNTUK KAWAN2, PARA PENGAJAR DAN BAHAGIAN PENTADBIRAN, SAYA BERTERIMA KASIH DAPAT BEKERJASAMA SEMASA DI ILSAS. JUA POHON AMPUN DAN MAAF, ZAHIR-BATHIN DARI SAYA YANG HINA.

SEKALI LAGI SAYA BERTERIMA KASIH KEPADA L.L.N KERANA MEMILIH SAYA SEBAGAI PERANTIS.

CUKUP-CUKUP LAH TU .......
NANTI BONDERIN PULAK.

by :NZJ



NAMA : MARTIN GOMES.

NO. PEKERJA : 44784

ALAMAT : 382-A, TAMAN BUNGA RAYA, BUKIT BRUANG, MELAKA.

NO. TALIPON : TIADA.

TARIKH LAHIR : 23rd July, 1962 (LEO)

KEGEMARAN : MUSIC, AND ADMIRERING THE BEAUTY OF NATURE.

"CORETANKU"




WELL, THREE YEARS HAVE COME AND GONE JUST LIKE THAT AND EVERY MEETING HAVE GOT TO END, SO THEY SAY! BUT ON THE OTHER HAND, THIS COULD BE A STARTING POINT FOR US, THAT IS, FOR US TO FACE THE WORLD WHICH IS FULL OF CHALLENGE IN THE MANY YEARS TO COME. IN ORDER TO ACCOMPLISH THIS, WE HAVE GOT TO HAVE THE INITIATIVE, THE WILL POWER, THE RESPONSIBILITY AND THE ABILITY TO LEAD ONESELF FOR A BETTER FUTURE. LAST BUT NOT LEAST, IF YOU EVER COME TO HISTORICAL MALACCA, DO CALL ON ME, I'LL ALWAYS BE AT HAND.

KEEP IN VIEW
"THE QUALITY OF THE IMAGINATION
IS TO FLOW AND NOT
TO FREEZ."





NAMA : Abd. Rahman Abd Latif

NO PEKERJA : 44792

ALAMAT : 75 Kg Baharu Jimah
W/Pos Lukut
P Dickson - N S.

NO. TALIPON : Belum daftar.

TARIKH LAHIR : 14hb feb 1962.

KEGEMARAN : Bercakap - dan banyak lagi.

Ku A. Rahman

## — "CORETANKU" —

Entah apo nak den coretkan tapi tak apolah den coretkan yo apo apo. asalkan bercoret sudahlah tan —

Teman seandainya berbicara biar betul tutur kato - dan adap sopannya. Tercermat yang lebeh tuo dari kita. Ia yang benar menganga sebelum mengeluarkan kata kata - jangan menganga besar kan apo nanti masuk pulak lalat kek dalam mulut tu -

Teman pergunakanlah segala apa yang kita pelajari semasa menjalankan tugas tugas sehari hari. Semoga ianya akan mendatangkan menafaat kepada kita.

Jangan lupa kepada yang esa ia bersyukurlah selalu diatas segala pemberiannya kepada kita. moga moga kita akan mendapat perlindungan dan restu dari Nya diatas segala perbuatan/perkara yang kita lakukan serta yang bakal akan kita lakukan.

Amin.

PANGA SITARA



NAMA : SAMAT

NO. PEKERJA : 44793

ALAMAT :

REMBAU
N SEMBILAN

NO. TALIPON :

TARIKH LAHIR : 1960

KEGEMARAN :

MEMBUTO

"CORETANKU"



ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY STAFF WHO U... DE... ...WORDS, MAKES NOTES IN THE MA...INS OR DISFIGURES OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.



**ORANG KAMPUNG**

**yang**

**mengharapkan sesuatu**

# HOROSKOP

NAMA : ADNAN CHIN (MANAN)

NO. PEKERJA : EMPAT; EMPAT; TUJUH; SEMBILAN; LIMA;

ALAMAT : DUA PULUH SEMBILAN, JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG, PULAU PINANG.

NO. TALIPON : 04-632361 ATAU 04-882406 (OFFICE)

TARIKH LAHIR : 8/B. EMAS 196-SATU

KEGEMARAN : GANGGU MEMBER MAKAN BURGER. TIDUR AWAL DAN SATU LAGI YANG PALING DIMINATI MANDI SUNGAI.

**RAGAM HIDUP DI KOTA**

*mutiara kata*

**198**

**KENANGAN ABADI**






HAI MEMBER-2
AKU ANAK
MAMI PENANG
HIDUP RIANG
DIKOTA INI !!!???
TAPI,
KALAU
KE UTARA
SINGGAHLAH
KERUMAH
MAMI CHOMBI YA!

ANAK PENANG,
ANAK MAMI,
KALAU PENANG,
INGATKAN KAMI.

IKLAS.



NAMA : ZAMRY KASSIM

NO. PEKERJA : 44798

ALAMAT : 38 BLOCK K
BATU MAUNG
BAYAN LEPAS
PG

NO. TALIPON : 04-831089

TARIKH LAHIR : MARCH

KEGEMARAN : GRAND PRIX
&
MERONDA

# Marlboro

UNTOK RAKAN2 SEPERJUANGAN :-

Mencubalah Sebelum Mengaku Kalah
Adalah Lebih Baik
Dari Mengaku Kalah
Sebelum Mencuba

DAN INGATANKU JANGAN LAH JADI

MAT BERLAGAK

Utamakan Keselamatan



NAMA : Sahizan Saadin

NO. PEKERJA : 44803

ALAMAT : T.S. 85, MK. 7, Permatang Batu, Bukit Mertajam, Seberang Perai

NO. TALIPON : 04- 630511 (Jangan Percaya)

TARIKH LAHIR : 16hb. Nov. 19___.

KEGEMARAN : Apa Yang Terlintas Difikiran, Yang Tu Dibuat.

# Dariku Untukmu

Bonderinglah Kamu Untuk
Kepentingan Diri Sendiri
Tapi Jangan Sampai Men-
yusahkan Member2 Lain

Untuk Penunggang2 Motosikal

**awas**

**MALANG TAK BERBAU**



**Air mata yang bertitis itu bukan sekadar kesedihan, tetapi lebih daripada itu -**

Kalau Hampa Nak P. Pinang Tu
Jenguk2lah Kami Yang
Tinggal Disana
Kut Jumpa Kalau Tak Jumpa Sorry Lah

AIE .... YA ....
LU OLANG TALAK
LAMPAK GUA PUNYA
POTO KA ?
SAPA TALAK LAMPAK
SULAH MAU OUT CO....

T. Y.

NAMA : TEOH

NO. PEKERJA : 44801
ALAMAT : 934, PDG. BENGGALI, TELUK AIR TAWAR B'WORTH
NO. TALIPON : 04 - 347820

TARIKH LAHIR : 2.3.1960

KEGEMARAN :
BERMACAM - MACAM.

T.Y.

"CORETANKU"

BACA TERUK TERUK SELAMA 3 TAHUN,
GAJI TETAP $375 JUGA A A A K - ! !

EH-EH... 'CUTE' LA HERO DALAM GAMBAR NI




I SINGLE LAGI! CUBA LA TACKLE.

NAMA : MOHD. SALIHIN AHMAD @ INN :

NO. PEKERJA : 44804 :

ALAMAT : NO: 11 (SEBELAS) JLN. ORKID, TAMAN JITRA, JITRA, KEDAH:

NO. TALIPON : 04-743046 :

TARIKH LAHIR : 25 - APRIL - (TAHUN DAH LUPA)

KEGEMARAN : SEMUA SUKA ASALKAN MAK TAK MARAH !!!

AHMADSALIHIN INN®

## "CORETANKU"

N PUNK KUNTUM !! stand for my only ♡

SAHABATKU SEKELIAN :

DOK BUAT APA TU ? TAKKAN FRUST KOT, BUANGLAH TITLE 'MAT JIWA RETAK TU......' TAPI LALAT® MESTI TETAP JADI MEMBERSHIP, 'IDUP SURE SENANG BE....... (MAKAN FREE).

HANGPA NAK INGAT KAT AKU DAK ?

TOK SAH LA KOT NO...... BUAT SUSAH SAJA TAPI.... BIRTHDAY AKU NANTI HANTAR LA HADIAH, BARULAH DINAMAKAN 'SAHABAT BAGUIH'.

— II —

ALWAYS IN ♡ WITH YOU!

"THE NEW ALLIGATOR BORIA BAND" →



Amacam? ADA GAYA?

SMART GUY?



NAMA : ZAINAL ABU BAKAR. (Nal, Noname).

NO PEKERJA : 44805.

ALAMAT : BERET NO:56, BILIK NO:5, JALAN HOSPITAL, KULIM, KEDAH.

NO TALIPON : Selak Buku panduan J.T...

TARIKH LAHIR : 7hb. OKT. 1961

KEGEMARAN : Jadi kutu tembok depan supermarket.

"CORETANKU"






## INU

my self ada dua tangan 10 jari  
satu mulut banyak gigi...  
dua mata dua kaki  
satu hidung dua pipi  
Tetapi..............  
my self juga ada hati  
bila kena pesli  
my self benci  
Jadi  
mana my self mahu pergi....x7.

ILSAS

ILSAS




TRADE ® MARK

NAMA : HORIEDIN BIN AZALI

NO. PEKERJA : 44815

ALAMAT : BATU 14 (PARIT 17), SUNGAI SUMUN, HUTAN MELINTANG, PERAK

NO. TALIPON : PAE.1169 — Tanya pada adik saya

TARIKH LAHIR : 23-4-62

KEGEMARAN : Mengendap, Duduk sorang 2, Takraw, "Makan Tempe Goreng"

6-12-83 ®

"CORETANKU"

Ikut nasihat saya tau!
saya sudah merasakannya
Padan muka aku.
muka tak malu.... !!!!

Hallo .. kawan-kawan jangan jadi 'Mat Bunga" Nanti merana diri. Janganlah dok selalu ngacau anak dara orang, nanti tersangkut pula....!! Terus kahwin tak kisahlah, asalkan hati bahagia.

Jangan.... mat !!! jangan sampai kena tangkap keting" tau...!!

Jangan jadi " MAT JIWA RETAK " dong....!! kerana frust cinta Buta kononnya. Cari lain sajalah "Wong wedok ramei" (orang perempuan ramai) kata orang Jowo PONOROGO!

sorang lari ------ Seribu boleh mari !!! ... kawan !!!! ...

Jangan Frust dan bedengung selalu. Bawalah dan ingatlah pada ALLAH dan bawalah Sembahyang selalu. Lagi Bagus ---- Biarkan ia pergi ------ Berambus kau .....

kalau Frust → gantung diri di pokok togee atau makan " tempe Bengkrek " (Jawa punya fabret) lagi cepat mampus ----- maaf kawan-kawan !!

SORRY !!! ... SORRY !!! .... AKU KE ?

PERMISSI DONG !!!!!


SUDUT
Pena
-****-
-: Putus :-
Catatan hati
Yang telah retak
Dek putusnya hati ke hati
Hati yang telah luka
Kerna Cinta Buta
Cinta yang telah putus
Musnah bersama debu
Debu-debu dijalanan
Yang
tidak
mengenal erti
hidup bercinta
Mat Jiwo Retak
HORJE
65°
PERANTIS
1981A ®


BONDERING KOT !!!
SUDAH JATUH DI TIMPA SPANA
RODA-RODA YANG GILA
MR LEE


The right path to success .
ACTION ADS.
BANKRUPTCY
FAILURE..
LOSS
Itu lah Teoh , kalang kabut sangat sampai serabut otak dibuatnya !
Ehem ..... syok ke ? ialah 'bunga' cute contact ...... buat-belon-buat.
NIGHTS WERE MADE FOR TIN MINE
MAT ON
ANCHOR'S-A-WEIGH!
IT'S SAILOR NITE!
mat .... disco mat .... tapi 'on' dulu .
waduh ! Beria-ia nampak , bonderin instruktor ke ?
HELLO
INNA
cik adik , percaya ke kat 'elon' ?
ALLIGATOR TAU
'sumo wrestler'
ALIAS SERABUT
AZMI DUNGUN
MG

UNIVERSITI TENAGA
NASIONAL



بسم الله الرحمن الرحيم

# الجنة تحت أقدام الأمهات



"Syurga itu ditelapak
kaki ibu, oleh itu
berbaktilah
kepadanya."

## IBU.

IBU. . . . . OH IBU!

KAU . . . . ADA LAH PELITA HIDUP KU.
YANG SENTIASA MENYINARI KEGELAPAN HIDUP KU INI

IBU. . . . . .

DARI KECIL SEBESAR IBU JARI, AKU . . . . .
KAU DIDIK . . . . DENGAN PENUH KASIH SAYANG,
HINGGA KE USIA KU KINI . . . . . 22 TAHUN.
DUHAI IBU KU YANG TERCINTA
MAAF KAN LAH AKU KERANA INI MUNGKIN
MELUKAN PERASAAN MU . . . IBU
WALAU PUN AYAH TELAH PERGI MENINGGALKAN KITA
18 TAHUN YANG LALU . . . KETIKA AKU
MASIH BELUM MENGENAL ERTI HIDUP INI
TETAPI . . . . .
ATAS KETABAHAN DAN KECEKALAN HATI MU
. . . . . KAU DAPAT MENDIDIK DAN MENGASUH,
ANAK ANAK MU . . . . .
SEHINGGA DAPAT BERBAKTI KEPADA BANGSA, NEGARA DAN
UGAMA

DENGAN ITU . . .
IZINKAN LAH AKU MENYEMBAH DAN SUJUD DI KAKI MU
MEMOHON DOA DAN RESTU DARI MU IBU . . . .
AGAR DAPAT AKU MENERUSKAN
PERJALANAN HIDUP DENGAN PENUH
CABARAN DAN DUGAAN DI ALAM MAYA INI

NUKILAN PENA
NAN CHIN (MAMAK PENANG)
PERANTIS 1981 (A)
6/12/1983

# PANTUN PRANTIS 1981A. KUMPULAN A.
## JURUELEKTRIK STESEN JANAELEKTRIK.

Salam persahabatan kami hulurkan,
Dari Kumpulan A Prantis 1981,
Salah silap harap dimaafkan,
Semoga kita berbahagi selalu.

Batu Pahat memang terkenal,
Tempat orang selalu mengamuk,
Dari Pontian dianya berasal,
Gan Swee Bin kaki mengutuk.

Usianya 24 tapi mengaku 17,
Sebab gigi belum tumbuh semula,
Selalu mengusik di dalam kelas,
Musa Yusop daripada Melaka.

Mini Hydro Project tempat kerjanya,
Kelang pula kampung halamannya,
Dengan pakaian yang smart belaka,
Adnan Abas senyum sentiasa.

Lahir di Sekinchan kerja di JB,
Yusof Hedar dari Felda Keratong,
Selalu mengenang nasibnya diri,
Di Pantai Lido duduk termenung.

Asal di Selama rumah di Serdang,
Zahari Mohd. Nor si handsome guy,
Mak we Pilah hendak dipinang,
Malangnya duit selalu pokai.

Dia ini kaki balik kampung,
Sebab rumahnya dekat asrama,
Nasib Zulrazib memangnya untung,
Kerana Kelang tempat kerjanya.

Walaupun dia berambut panjang,
Tapi kawan memanggilnya Botak,
Dari Malim Nawar dia datang,
Itulah Azizud Din si anak bapak.

S. Stanley tegap orangnya,
Kuala Lumpur dalam kepalanya,
Sungguhpun hitam dipandang mata,
Tetapi manisnya tetap ada.

Man Anis punyalah baik hati,
Kawan rosakkan motor ganti sendiri,
Nampak saja macam Pak Haji,
Tapi Mekah pun belum pergi.

Shukor Sulong handsome orangnya,
Disamping aktif peramah pula,
Gantikan Misbun menjadi hajatnya,
Semoga berjaya mencapai cita.

Sungai Merab kampung halaman,
Mazlan Jahir jejaka tampan,
Pasal kahwin jangan diceritakan,
Bukan tak mahu tapi segan.

Di Jelapang Padi asalnya Mat Bunga,
Mod Fazil Nayan empunya nama,
Permainan bolasepak paling diminati,
Mewakili negara memang dihajati.

Walaupun berada jauh di rantauan
Hilang di mata di hati jangan,
Pantun ini hanya gurauan,
Sekadar menghibur hati nan rawan

BUAT TEMANKU

NAMA ACT. MAT SALLEH
MUKA MACAM CHINA
SEKALI TENGOK OKEY
TAPI MELAYU DAA . . . .
ADA BAIK ADA BURUKNYA
BUAT APA SEMUA KENA.
NAMPAK KECHIK TAPI HANTU
KAKI MENGENDAP NO. SATU
KELUAR BIJI MATA BARU TAHU
TAK CUKUP PULA TU
NIAT TIMBUL DALAM KALBU
BELI TEROPONG AJAK AKU
MAHAL . . . . TAK KISAH LAH TU
TAPI TAK APA . . . . "LORDED".
DUIT HARAM DAPAT SELALU
DIAM-DIAM MASUK SAKU
CELAKA BETUL CONTRACTOR KAYU.




* INGATLAH APA YANG KAU BUATPUN
SATU HARI AKAN MATI JUGA *

ILHAM CIPTA ©
[signature] /83

# MENJELAJAH KE PLENET "M"

1. SELAMAT DATANG KE PLENET KAMI
PLENET `MEKANIKAL NAMA DI BERI
SEMUA PENGHUNINYA BERCITA TINGGI
SOAL BELAJAR .....OOPPSS..... SORRY .

2. DUA PULUH SATU PENGHUNI TINGGAL DISINI
MELAYU, CINA, INDIA DAN SERANI
SEMANGAT MUHIBBAH TERJALIN DI HATI
TAPI SAYANG TIADA BENGALI .

3. YANG KECIL DIPANGGIL JUNIOR
YANG BESAR DI GELAR BELON
KALAU BARU PUNYA INSTRUKTOR
SEKALI MASUK SUDAH PENGSAN .

4. YANG KURUS - TINGGI IALAH ABAS
YANG KURUS - RENDAH PULA AZMAN
PASAL BISING SERAH KAT ALIAS
SELURUH KELAS JADI TAK AMAN .

5. TEOW KALANG - KABUT DARI PERAI
SELALU TIDAK MANDI PAGI
SIAPA HENDAK KE `PESTA PANTAI'
BOLEH LAH `CONTACT' EN. ZAMRI .

6. YANG SUKA SENYUM IALAH `JAMBUL'
YANG SEBENAR NAMANYA ZAIMI
YANG PALING SUSAH BERCAMPUR - GAUL
KALAU NAK TAHU CARI SENDIRI ..... .

7. KAMARULZAMAN, SALIM, MARTIN DAN BAHRAN
SAMA KACAK, SAMA TAMPAN
'UP TO DATE' DALAM PAKAIAN
MAKLUMLAH NAK REBUT `GELARAN' .

8. YANG LAIN - LAIN CUKUP SPORTING
WALAU ADA YANG ALIM KUCING
PANTANG LIHAT YANG DAHI LICIN
ULAT BULU MULA NAIK KE RANTING .

CON'T →

9. TIDAK KURANG DENGAN WAK JAWA
ASAL DARI TELOK INTAN
SEKALI `FRUST' DENGAN MAK WE
NAIK MOTOR MACAM SETAN .

10. CUMA SEORANG MAT BUNGA
LEBIH SENANG DIPANGGIL `INN'
DAPAT SURAT DIA SENYUM SUKA
TAPI ISINYA `JEMPUTAN KAHWIN' .

11. ADNAN, SAHIZAN, SAMRI DAN AZMI
TINGGAL SEBILIK DI ASRAMA `D'
SEMUANYA SUSAH NAK BANGUN PAGI
SAMPAI DI DEWAN MAKAN DAH LAPAN PAGI .

12. KALAU SESIAPA ADA MASAALAH
SILA LAH DATANG JUMPA SI JUWIE
TAPI SAYANG KAKI BELAH
SEMINGGU DUA KALI JUMPA MUNIANDY .

13. ADA SESIAPA YANG BELUM KENA
CUBA-CUBALAH JUMPA WARDEN
SEBELUM DITINGGAL ALAM YANG FANA
SALAH DAN SILAP HARAP DIAMPUN .

14. TAMATLAH SUDAH NUKILAN RASA
PAHIT, MANIS, MASAM DAN MASIN
SOAL DIRI SAYA USAH DITANYA
SAYA DATANG DARI PLENET LAIN -

CORETAN SAJA-SAJA
BY → "NONAME"
ILSAS .

PENULIS : INN/©

# UCAPAN HEMAH DARI PRESIDEN LALAT ®

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli kerana memberi sokongan dan mandat yang penuh pada saya untuk mengendali teraju LALAT ®. Saya juga sangat berbesar hati kerana semua ahli-ahli sudi bekerjasama bagi memperluaskan kegiatan kita.

Kegiatan ini berjalan dengan jayanya walaupun terdapat sungutan tentang pergerakkan ini tetapi dapat dibenteras oleh saya dan ahli-ahli sekelian dengan berkesan.

Saya sangat berbangga kerana sejak SN. MAZLAN memegang jawatan Pegawai Perhubungan LALAT ®, bilangan ahli dapat dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa. Beliau bertungkus lumus menghapuskan kegiatan LALAT secara 'BLACK MARKET' - berpura menjadi ahli tetapi tak pernah mengisi borang keahlian. Juga terima kasih yang tak terhingga kepada pengasas persatuan @ BAPAK LALAT ® iaitu SN. ZAHARI.

Saudara-saudara, saya sangat sedih kerana persatuan kita yang semakin berkembang terpaksa diberhentikan akibat perpisahan ini. Oleh itu saya berseru kepada ahli-ahli semua, teruskan kegiatan kelian walaupun tanpa Pegawai kanan. Mungkin satu hari, salah seorang dari anda dapat menubuhkan cawangan LALAT ® ditempat anda bertugas. Ini satu kemajuan, wahai ahli-ahli LALAT ®.

SEKIAN.

WASSALAM.

PRESIDEN LALAT,
Mddris (SIAM TULIN)
7/12/83.

BY: INN/®.

OLE - OLE DARI UTARA

# CEREKA - KU

:BY - KAMAR DIO

KISAH INI BERLAKU DI ZAMAN DAHULU-KALA, WAKTU NI BELUM ADA LAGI TALIVISYEN KALA, YANG HITAM PUTIH PUN SUSAH NAK JUMPA. SIAPA YANG ADA RADIO, SUDAH DIKIRA KAYA.

BUDAK-BUDAK WAKTU NI, SEMUANYA PAKAI DOK DENGAQ CERITA ORANG TUA-TUA. AKU ADALAH SALAH SURANG DARI DEPA.

KISAH TERJADI DI SEBUAH NEGERI, SEORANG RAJA DENGAN SEORANG PUTERI. MEREKA MEMPUNYAI SEORANG PUTERI YANG CANTIK TAK TERTANDINGI. RAKYAT NEGERINYA PULA HIDUP AMAN DAN DAMAI SEKALI PADA RAJA MEREKA SANGAT LAH DIKASIHI.

PADA SUATU HARI TERJADILAH CELAKA, SEMUA RAKYAT MENJADI GEMPAR BELAKA. SEDIH DAN DUKA MENYELIPUTI JIWA. KERANA PUTERI YANG DISAYANGI, TELAH HILANG DARI MATA.

CANANG DI PALU SERTA MERTA. SUPAYA RAKYAT BERHIMPUN SEGERA. UNTUK MENGCHABAR BERITA YANG DUKA - TENTANG PUTERI YANG TELAH TIADA. HADIAH DITAWARKAN TIADA TERHINGGA. KEPADA SIAPA YANG MENJUMPAI PUTERI SEMULA, DIALAH ORANG YANG BERUNTUNG DI DUNIA DAPAT MENJADI MENANTU RAJA.

MAKA TERSEBUTLAH KISAH TIGA ORANG SAHABAT. MEREKA MEMPUNYAI KEPANDAIAN YANG LUAR BIASA. LANTAS MENGADAP RAJA UNTUK MENJUNJUNG TITAH BAGINDA. SI TUKANG JAMPI MENENTUKAN HALUAN. MENGGUNAKAN KEPANDAIAN, MENELEK KE DALAM CAWAN. LALU DI MINTA KEPADA RAJA SEBUAH BAHTERA. SUPAYA TUGAS DILAKSANAKAN SEGERA. LALU KETIGA-TIGA SAHABAT ITU MEMULAKAN PERJALANAN MEREKA.

SETELAH BEBERAPA HARI BELAYAR, TIBA-TIBA LAUT MENJADI TENANG, KAPAL MEREKA TIDAK BERGANJAK WALAU SEINCI PUN. LALU SI TUKANG JAMPI MENGGUNAKAN KEPANDAIAN JAMPINYA UNTUK MENYERU ANGIN SUPAYA BERTIUB SEMULA. AGAR MEREKA DAPAT MENERUSKAN PELAYARAN MEREKA. DENGAN KUASA TUHAN, ANGIN PUN BERTIUB, BAHTERA PUN BERGERAK SEMULA.

SELANG BEBERAPA HARI SELEPAS ITU. MAKA TERNAMPAKLAH MEREKA SEBUAH PULAU. PULAU INI KELIHATAN BEGITU ANIH

SEKALI. DAN DARI TELEKAN MEREKA, PULAU INI DI JAGA OLEH SEEKOR NAGA YANG BERKEPALA TUJUH.

SEDANG MEREKA MENEROPONG KEPULAU ITU, MUNCULLAH SEEKOR NAGA DI DEPAN MATA MEREKA. DENGAN TIDAK MELENGAH-KAN MASA, SEORANG DARINYA, IAITU SI PEDANG SAKTI TELAH MELOMPAT KE ATAS BELAKANG NAGA DAN DI PENGGALNYA KEPALA NAGA ITU. DALAM KESAKITAN NAGA ITU MENGELUPURKAN BADAN-NYA LALU EKOR TERHEMPAS KEBAHTERA MEREKA. MAKA TERPOTONG DUALAH BAHTERA ITU. SAHABAT YANG KETIGA, SI TUKANG JAHIT. TERUS MENJAHIT BAHTERA ITU DENGAN JARUM DAN BENANG SAKTI-NYA. SEMENTARA ITU, SI PEDANG SAKTI TERUS MEMENGGAL KEPALA NAGA SATU DEMI SATU SEHINGGALAH TAMAT RIWAYAT NAGA TERSEBUT.

SESUDAH ITU MEREKA TERUS MENDARAT DI PULAU TERSEBUT. SI TUKANG JAMPI TADI, LAGI SEKALI MENGGUNAKAN KEPANDAIANNYA UNTUK MENELEK DIMANAKAH PUTERI DI-SEMBUNYIKAN. LALU MEREKA PERGI KETEMPAT TERSEBUT DAN MENJEMPUT PUTERI PULANG.

DIDALAM PERJALANAN PULANG, RIBUT TAUFAN TELAH MELANDA MAKA HABISLAH SEMUA LAYAR TERKOYAK DAN BER-LUBANG-LUBANG. LALU SI TUKANG JAMPI MENTENTERAMKAN SUASANA DAN SI TUKANG JAHIT MENJAHITKAN LAYAR MENJADI SEPERTI MULA.

SETELAH SAMPAI KE ISTANA, PUTERI DI SERAH KEPADA RAJA. BAGINDA BEGITU GEMBIRA HINGGA TAK TERKATA. LALU BAGINDA BERTANYA KEPADA KETIGA-TIGA AKAN KISAH DI DALAM PERJALANAN, LALU MASING-MASING MENCERITAKAN KEPANDAIAN MASING-MASING MENYELAMATKAN PUTERI. BAGINDA MENJADI SERBA SALAH DAN TIDAK TAHU KEPADA SIAPAKAH HARUS DI KAHWINKAN PUTERI BAGINDA SEBAGAI MEMENUHI JANJINYA

SEANDAINYA SAUDARA MENJADI RAJA. BAGAIMANAKAH SAUDARA MEMUTUSKAN BICARA. AGAR MEREKA TIDAK MURKA. DENGAN KEPUTUSAN YANG DI TERIMA. AGAR NEGARA TAK HARU-HARA. KERNA KEKUATAN MEREKA LUAR BIASA ........

**I**lmu mu akan kami sematkan.

**L**etrik dan Mekanikal bersatu padu.

**S**inaran cahaya keindahan Malam.

**A**ntara Utara, Selatan, Timur dan Barat.

**S**elamat berjasa kepada Negara.

**L**alu menyemarak di bumi Malaysia.

**L**autan api pun kami salurkan.

**NAH!** betapa hebatnya kemahiran kami.

ILSAS,

[illegible]
D-11 @INNO
(JOINT-VENTURE).
The New ALLIGATOR

Angin dari Utara



Detik
-detik
24
JAM
Di
ilsas
HORJE

④

① Wooow......!! GOL !!.....
Beginilah keadaan kami waktu petang. Kalau tak turun ke padang Tengok orang main Bola cukuplah

③ Waktu Malam Kalau tiada homework kami hanya main "Catur" saja. Sampai Larut Malam Perah Otak Sikit.......!!



②

③ Dah nasib badan, makan Nasi kawah. Apa boleh buat?




④ Masa belajar Masing-masing Nak tunjuk terror.......konon!! Harapkan menyemat sajalah.....

⑤

⑤ Angan-angan Nak jadi macam Pele. Beginilah keadaan kami kalau ada perlawanan! Belagak aje lebih.....

Horie ®


JAM : 7·44 PAGI .
BANGUN PAGI
BERUS GIGI ... TAK MANDI
JAM : 8⁰⁰ – 4·¹⁵ PTG .
MASUK KELAS. RASA MALA
PERAH OTAK, SAMPAI...
NAK RETAK .
JAM : 5⁰⁰ – 7⁰⁰ PTG .
TURUN PADANG
CUKUP RIANG .
MALAM : TAK PAYAH CERITA LAH !
MR LEE .


NIJ LA ANAK DARA INSTITUT NAMPAK TU..... SAMPAI PAKAI GUARD.....
NAK TAU KALAU, YANG NI LA PUNGKOQ KAPAL PERANG DUNIA III. YANG BEDERET TUU.... KELAS1 BARU JUMPA DARAT.
KALAU DAH BERBAJU BATEK, BERLAGAK MACAM WAKIL RAKYAT.... MULALAH YANG LAIN PUN MENEMPEK... UNIFORM PUN TAK BERTUKAQ PADANG PUN TAK PI .....
NIJ LA PASAL DAH TAK TAU MAIN..... GAYA NAK PANDAI SIKIT LEPA SURUH JADI
MACAM NI KALAU BOLEH JADI HARU LLN TENTUNYA BANKRAP...
YANG SATU KUNG-FU CINA, YANG SATU STARSKY PEKAK... LAGI SATU HEEE..... SULONG KOT ?
NIAT NAK PI PADANG BESAQ, BAS MAMPUIH TENGAH JALAN, TANGKAP GAMBAQ...
HASIL NUKILAN :- LAMAR DAO




Temperature Control




Pressure Control



LAPORAN KEGIATAN KEAGAMAAN DI BALAI ISLAM, ILSAS.

Laporan ini meliputi tempoh masa selama lebih kurang tiga bulan iaitu bermula dari semua Prantis 1981 A melaporkan diri di ILSAS untuk mengikuti Modul ke 3 pada 9.10.83 hinggalah mereka semua meninggalkan ILSAS pada 22.12.83.

Dalam masa tersebut beberapa kegiatan ataupun aktiviti agama telah diadakan di Balai Islam, ILSAS. Antaranya ialah ceramah agama fardu ain, sembahyang berjemaah, kuliah subuh dan sebagainya.

Ceramah agama tidak menentu masanya diadakan kerana ianya menjemput penceramah dari luar ILSAS. Adakalanya setelah dijemput, penceramah tidak dapat hadir pula di atas sebab tertentu. Bagaimanapun penyelia Balai Islam iaitu Al-Fadzil Ustaz Mohd. Radzi dapat menggantikan tempat tersebut sebagai memenuhi acara.

Di samping itu, pada setiap hari Selasa malam Rabu pula, satu kelas fardu ain diadakan pada setiap minggu, juga mengundang penceramahnya yang tetap dari luar ILSAS juga. Kelas ini diadakan selepas saja para jemaah selesai mengerjakan sembahyang Maghrib berjemaah. Dengan adanya kelas fardu ain ini, maka dapatlah para penduduk di sekitar ILSAS ini memahami dengan lebih jelas dan mendalam tentang pengetahuan agama Islam yang wajib dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka.

Pada 3 dan 4.12.83 lalu, satu kursus kesedaran Islam telah diadakan di Masjid Jamek Daerah Kajang. Pihak ILSAS tidak ketinggalan menyertainya dengan menghantar para pelatih dan prantis ke sana untuk mengikuti ceramah-ceramah yang disampaikan.

Sungguhpun begitu, apa yang menjadi kebanggaan ialah penduduk di sekitar ILSAS dapat mendirikan sembahyang berjemaah pada setiap kali waktu sembahyang fardu. Sesungguhnya ini adalah satu-satunya syiar Islam yang menunjukkan wujudnya perpaduan di kalangan penduduk di sekitar ILSAS.

Akan tetapi malang tidak berbau dan malang sungguh. Sambutan yang diberikan oleh penduduk di sekitar ILSAS tidaklah begitu menggalakkan langsung terhadap kegiatan-kegiatan di atas tadi. Sedikit sungguh mengenangkannya. Seolah-olah Balai Islam hanya sesuai untuk orang tua-tua saja. Mengapakah umat yang mengaku Islam di akhir zaman ini berpendapat seperti ini?

Saya berharaplah semoga kita dapat mengikis pendapat seperti itu dan dapat pula meramaikan Balai Islam mendengar ceramah, fardu ain dan sebagainya. Yang penting ialah mendirikan sembahyang berjemaah lima waktu itu di Balai Islam, lebih-lebih lagi ianya adalah sunnah Rasulullah (s.a.w) di mana pahalanya 27 kali lebih baik dari sembahyang sendirian.

Akhir kata, sabda Rasulullah (s.a.w), sesiapa yang mengamalkan satu sunnahku pada akhir zaman ini, Allah akan membalasnya dengan 100 pahala syahid.

Wassalam.

S.U.A. Kamarul Zaman Amir.
6.12.83

# RUANGAN SUKAN ANDA !!!

Pada 2hb. NOV sehingga 10hb. DEC. 1983, kami telah menganjurkan SUKAN antara PERANTIS, iaitu diantara Perantis 1983 B dan kami sendiri.

Sebanyak 8 acara telah dijalankan dan dikelolakan oleh ketua-ketua sukan :-

1. Bolasepak — Sdr. ADNAN CHIN
2. Hoki '6 sebelah' — Sdr. MOHD. SALIHIN AHMAD
3. Bola tampar — Sdr. ZAHARI MAT NOOR
4. Sepak takraw — Sdr. SHAHBUDDIN CHIK
5. Dam — Sdr. MAZLAN TAHIR
6. Karum — Sdr. HAKIMI OSMAN
7. Badminton — Sdr. AZMI ABDULLAH
8. Catur — Sdr. MURAD ABD. RAHMAN

Semua acara-acara tersebut telah dijalankan dengan penuh kejayaan tanpa halangan. Saya begitu terharu dan gembira diatas SEMANGAT SUKAN yang telah ditunjukkan oleh para pemain tanpa mengira soal kalah menangnya, yang penting bagi mereka adalah 'SEMANGAT KESUKANAN YANG TULIN'. Saya harap ini akan dapat dikekalkan demi menaikkan lagi imej LEMBAGA LETRIK NEGARA.

Disini saya bagi pehak semua mengucapkan ribuan terima kasih kepada :-
EN. MOKTHAR, yang telah bersusah payah bersama kami untuk menjaya sukan 1983 ini, juga kepada EN. JALIL dan bahagian tadbir ILSAS kerana sudi meminjamkan alat-alat sukan kepada kami.

Akhir kata, saya serta ahli-ahli Jawatankuasa sukan memohon maaf jika ada kesilapan atau salah faham diantara kita semua dimasa pertandingan sukan yang telah diadakan tempohari.

SEKIAN.

TERIMA KASIH.

"MAJU SUKAN UNTUK L.L.N"

SETIAUSAHA SUKAN

[signature]

Sdr. ADNAN CHIN
44793

BY: INNA ®

UNIVERSITI TENAGA
NASIONAL

LAPURAN

# SUKA DUKA Di ILSAS



UNIVERSITI TENAGA NASIONAL

ACTION WILL BE TAKEN AGAINST ANY STAFF WHO U[illegible] WORDS, MAKES NOTES IN THE [illegible] DISFIGURES OR DAMAGES BOOKS IN ANY WAY.